



LAPORAN TAHUNAN **MAQIS** **2024**



Kementerian Pertanian dan
Keterjaminan Makanan



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin
dan Pemeriksaan Malaysia



LAPORAN TAHUNAN
MAQIS
2024



NOTIS HAK CIPTA

Cetakan Pertama 2024

Hak Cipta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia /
Copyright Department of Malaysian Quarantine and Inspection Service,
2023

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without prior permission in writing from Department of Malaysian Quarantine and Inspection Service.

Diterbitkan oleh / Published by



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan
Pemeriksaan Malaysia / *Department of*
Malaysian Quarantine and Inspection Service

ARAS 4 MENARA 4G1, Wisma Tani 28,
Persiaran Perdana, Presint 4, 62624, Wilayah
Persekutuan Putrajaya, MALAYSIA

Tel : 603 – 8870 8000

E-mel : feedback@maqis.gov.my

Laman web : www.maqis.gov.my

LAPORAN TAHUNAN
MAQIS

2024





PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada ahli kumpulan kerja dan penyunting yang bertanggungjawab menyediakan Buku Laporan Tahunan 2024 yang terdiri daripada :

PENASIHAT

YBrs. Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman

PENYELARAS

YBrs. Dr. Azhari Sharidan bin Abu Bakar

SIDANG PENGARANG & KETUA EDITOR

Muhammad Azrul Hafiz bin Mohd Zaini

PENYUMBANG BAHAN

BAHAGIAN PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN

- Siti Nur binti Ahmad
- Wan Nurfasihah Arienah binti Wan Nordin

BAHAGIAN IMPORT EKSPORT DAN DATA

- Muhammad Ezamry bin Arpan
- Mohd Arif bin Mohd Yasin

BAHAGIAN KUARANTIN

- Dr. Mohd Syazuwan bin Abd. Jalil
- Nurul Nadia binti Che Mohd Noor

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

- Zeti Hafza binti Zakaria
- Nor Elmira Sherryana binti Ghazali

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Mohd Saifullah bin Roslan
- Mohd Husni bin Ahmad

EDARAN:

Unit Komunikasi Korporat

KONSEP DAN REKA BENTUK:

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

UNIT PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

- Suhail bin Abd Halim

UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN STANDARD

- Abdul Muhyi bin Mohamad Hatta
- Siti Aimuni binti Hasim

PRO MAQIS DI NEGERI-NEGERI

- MAQIS Selangor
- MAQIS Pulau Pinang
- MAQIS Johor
- MAQIS Kelantan
- MAQIS Kedah
- MAQIS Perlis
- MAQIS Perak
- MAQIS Pahang - Terengganu
- MAQIS Labuan
- MAQIS Melaka - Negeri Sembilan

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	4
ISI KANDUNGAN	5
LATAR BELAKANG	7
PERUTUSAN KETUA PENGARAH	8
SEKAPUR SIRIH TIMBALAN KETUA PENGARAH	11
PROFIL KORPORAT	13
Visi, Misi	13
Objektif	14
Fungsi	15
Punca Kuasa MAQIS	16
Piagam Pelanggan	17
CARTA ORGANISASI	18
LAPORAN BAHAGIAN/UNIT	
Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan	21
Bahagian Kuarantin	29
Bahagian Import Eksport dan Data	38
Bahagian Dasar dan Perancangan	47
Bahagian Khidmat Pengurusan	56
Unit Integriti dan Pematuhan Standard	62
PROGRAM , BENGKEL, KURSUS DAN SEMINAR 2024	69
MAQIS NEGERI	77
KUNJUNGAN HORMAT	107
LENSA 2024	113





LAPORAN TAHUNAN

MAQIS

2024



LATAR BELAKANG

Pada tahun 2005, Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menubuhkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sebagai badan tunggal yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kuarantin, pemeriksaan serta penguatkuasaan di 57 pintu masuk negara.

Tujuan sebagai badan tunggal adalah:



Mengelakkan Pertindihan Fungsi Agensi di Pintu Masuk

Mengelakkan Proses Pemeriksaan yang Berulang Oleh Agensi



Penggunaan Dokumentasi yang Seragam

Penggunaan Infrastruktur dan Tenaga Kerja Yang Optimum



Pengurusan Kawalan Pintu Masuk yang Berkesan



'One Stop Centre' untuk Agensi Kuarantin

MAQIS juga adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertanggungjawab untuk mengawal aktiviti import, eksport, pemeriksaan, kuarantin dan penguatkuasaan bagi apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma di semua pintu masuk negara yang diwartakan. Sebanyak 57 buah pintu masuk di Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan yang terdiri dari pintu masuk udara, laut dan darat telah diwartakan dan dikawal oleh pihak MAQIS.



Perutusan Ketua Pengarah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia
Madani.

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama menyaksikan penerbitan Laporan MAQIS Tahun 2024. Laporan ini bukan sahaja menjadi dokumen penting yang merakam pencapaian dan perkembangan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sepanjang tahun 2024, tetapi juga sebagai rujukan strategik dalam memperkukuh peranan jabatan dalam kawalan kuarantin serta keselamatan biosekuriti makanan, haiwan, tumbuhan, dan produk pertanian negara.



Pencapaian dan Komitmen MAQIS

Tahun 2024 menyaksikan MAQIS terus melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen tinggi dalam mengawal selia kemasukan serta pengeluaran barangan pertanian di pintu masuk negara dan stesen-stesen kuarantin. Kejayaan dalam memastikan keselamatan biosekuriti dan kualiti produk pertanian bukan sahaja memberikan impak besar kepada rakyat serta industri pertanian tempatan, malah mengukuhkan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa melalui standard ditetapkan dan fasilitasi perdagangan yang dilaksanakan.

Dalam tempoh ini, MAQIS telah memperkasa dan memperkukuh beberapa aspek utama, antaranya termasuk:



1 Pemantapan Kawalan Pemeriksaan dan Pengurusan Pintu Masuk serta Stesen-Stesen Kuarantin

MAQIS telah memperkukuh pemeriksaan dan penguatkuasaan dengan menaik taraf stesen, pejabat serta fasiliti pemeriksaan di pintu masuk negara. Di samping itu, penggunaan peralatan dan teknologi terkini turut dipertingkat bagi memastikan setiap produk yang dibawa masuk atau keluar memenuhi standard keselamatan yang ditetapkan.

2 Pengukuhan Penguatkuasaan dan Perundangan

Bagi mengekang kemasukan produk pertanian yang tidak mematuhi peraturan, MAQIS telah mempergiat aktiviti penguatkuasaan. Selain melaksanakan tugas penguatkuasaan rutin, pelbagai operasi khas turut dijalankan bersama agensi penguat kuasa lain bagi membanteras penyeludupan serta pemalsuan dokumen berkaitan produk pertanian. Semua kesalahan yang dikesan telah dikenakan tindakan sewajarnya sebagaimana yang termaktub di bawah Akta 728 dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

3 Transformasi Digital dan Automasi


MAQIS terus berinovasi dengan menerapkan sistem pendigitalan dalam proses permohonan permit import dan eksport. Inisiatif ini bukan sahaja mempercepatkan kelulusan transaksi, malah meningkatkan ketelusan serta kecekapan pengurusan data. Permohonan permit komoditi kini dapat diproses dalam tempoh hanya lima (5) minit melalui kelulusan automatik (*auto approved*). Pengenalan *MAQIS Digital Platform* turut menjadi mercu tanda ke arah pendigitalan dan penerapan teknologi kecerdasan buatan (AI).

4 Peningkatan Kerjasama Strategik

Tahun 2024 turut menyaksikan MAQIS memperkukuh hubungan dengan agensi tempatan dan antarabangsa dalam menangani isu keselamatan makanan serta biosekuriti. Kerjasama erat dengan pihak industri melalui pelbagai platform fasilitasi perdagangan telah meningkatkan keupayaan jabatan dalam memudah cara urusan perdagangan pertanian negara.

CABARAN DAN PERANCANGAN MASA HADAPAN

Seiring dengan kemajuan sektor pertanian global, MAQIS akan sentiasa proaktif dalam menangani cabaran yang semakin kompleks, termasuk ancaman penyakit haiwan dan tumbuhan baharu, perubahan iklim, serta peningkatan perdagangan antarabangsa yang membawa risiko terhadap biosekuriti negara. Justeru, dalam tahun-tahun mendatang, MAQIS akan terus memperhebat usaha melalui beberapa inisiatif utama termasuk:



Pemantapan Keupayaan Penguatkuasaan dan Pengurusan Kuarantin – Meningkatkan latihan dan kapasiti pegawai MAQIS agar lebih cekap dalam menjalankan pemeriksaan, kuarantin serta penguatkuasaan undang-undang.



Pembangunan Infrastruktur Moden – Memperluaskan penggunaan sistem pemantauan canggih serta menaik taraf kemudahan makmal bagi meningkatkan kecekapan analisis produk pertanian yang diperiksa.



Memperkasakan Kesedaran dan Pendidikan Masyarakat – MAQIS akan terus mengadakan program kesedaran awam bagi memastikan semua pihak, termasuk peniaga dan pengguna, memahami kepentingan pematuhan peraturan kuarantin dan keselamatan makanan.



Penguatan Kerjasama Strategik – Kerjasama strategik dengan agensi-agensi penguatkuasaan dalam dan luar negara akan terus diperkukuh bagi memastikan kawalan di pintu masuk serta stesen kuarantin dilaksanakan dengan lebih berkesan.

PENUTUP

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga MAQIS atas komitmen dan kesungguhan yang telah ditunjukkan sepanjang tahun ini. Kejayaan jabatan dalam memastikan keselamatan agromakanan dan pertanian adalah hasil usaha bersama yang tidak ternilai. Semoga dengan penerbitan Laporan MAQIS Tahun 2024 ini, kita dapat terus menilai pencapaian, mengenal pasti ruang penambahbaikan, dan memperkukuhkan peranan kita dalam memastikan keselamatan agromakanan serta biosekuriti pertanian negara sentiasa terjamin. Saya yakin dan percaya bahawa dengan semangat kerja berpasukan serta keazaman yang tinggi, MAQIS akan terus maju dan menjadi agensi peneraju dalam pengurusan kuarantin serta keselamatan biosekuriti pertanian negara.

Sekian, terima kasih.

Shamsul Akbar Bin Sulaiman

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
Tahun 2024

Sekapur Sireh Timbalan Ketua Pengarah

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT, saya berasa amat berbesar hati untuk memberikan sepatah dua kata sempena penerbitan Buku Laporan MAQIS Tahun 2024. Buku ini merupakan satu dokumen rasmi yang merakamkan perjalanan, pencapaian, dan komitmen Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dalam memastikan sektor pertanian negara terus dilindungi dan berkembang secara mampan. Tahun 2024 telah menjadi satu tahun yang penuh dengan cabaran dan peluang. Dunia terus menyaksikan perubahan landskap ekonomi, perubahan iklim, dan cabaran keselamatan makanan yang menuntut perhatian serius. Dalam situasi ini, MAQIS telah memperkukuh peranannya sebagai benteng pertahanan biosekuriti negara.


Para pembaca yang dihormati,

Sepanjang tahun ini, MAQIS telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif strategik. Antaranya termasuk:



1 Peningkatan Proses Penguatkuasaan dan Pemeriksaan:

MAQIS terus memanfaatkan teknologi seperti automasi dan analitik data untuk mempercepat dan memperkemaskan proses pemeriksaan di pintu masuk negara. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi tetapi juga membantu mengurangkan risiko penyeludupan barang terlarang.

**2**

Kerjasama Strategik dengan Rakan Industri dan Agensi Antarabangsa:

MAQIS memperkukuh hubungan dengan agensi domestik dan antarabangsa dalam usaha memastikan standard biosekuriti negara terus relevan di peringkat global.

3

Inisiatif Kesedaran Awam dan Pendidikan:


Program pendidikan kepada rakyat terus dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman terhadap peranan MAQIS dalam menjaga keselamatan makanan dan biosekuriti negara.

Semua pencapaian ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa dedikasi luar biasa daripada warga MAQIS dan sokongan padu daripada pihak berkepentingan. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada setiap individu yang telah memberikan sumbangan dalam memastikan kejayaan kita bersama.

MENUJU MASA DEPAN YANG LEBIH GEMILANG

Sebagai sebuah agensi yang dinamik, MAQIS sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran baharu. Tahun-tahun mendatang akan terus menuntut daya tahan dan inovasi kita dalam menggalas tanggungjawab menjaga kepentingan sektor pertanian dan keselamatan makanan negara. Saya yakin bahawa dengan kesatuan tekad, keupayaan profesional, dan komitmen semua pihak, MAQIS akan terus melangkah lebih jauh untuk menjadi sebuah agensi unggul yang dihormati di peringkat nasional dan antarabangsa. Akhir kata, saya berharap agar Buku Laporan MAQIS Tahun 2024 ini dapat menjadi rujukan yang berharga kepada semua pihak, serta menjadi motivasi untuk kita terus mencipta kecemerlangan.

Semoga dengan penerbitan Buku Laporan MAQIS Tahun 2024 ini, kita dapat terus menilai pencapaian, mengenal pasti ruang penambahbaikan, dan memperkukuhkan peranan kita dalam memastikan keselamatan makanan serta biosekuriti negara sentiasa terjamin. Saya yakin dan percaya bahawa dengan semangat kerja berpasukan serta keazaman yang tinggi, MAQIS akan terus maju sebagai peneraju dalam bidang kawalan kuarantin dan biosekuriti pertanian negara.



Dr Azhari Sharidan Bin Abu Bakar

Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
Tahun 2024

PROFIL KORPORAT

MISI

1

Memperkasakan Kawalan Biosekuriti Agromakanan Negara melalui Perkhidmatan Kuarantin, Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Bersepadu.



2

Merancakkan Perdagangan Agromakanan melalui Perkhidmatan dan Fasilitasi yang Komprehensif.

VISI

Peneraju utama kemampuan Biosekuriti Agromakanan Negara.





OBJEKTIF

- 1** Untuk memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang diimport ke dalam Malaysia bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar dan tidak menjejaskan sektor pertanian Negara serta mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan keselamatan agromakanan.
- 2** Untuk mengkuarantinkan dan memeriksa apa-apa tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, premis, pengangkut atau apa-apa benda lain di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.
- 3** Untuk memudah cara dan mengadakan khidmat nasihat kepada pengimport, pengeksport dan ejen yang terlibat dalam import dan eksport tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan berkaitan pematuhan syarat-syarat import dan eksport.
- 4** Untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan produk pertanian dan agromakanan serta meningkatkan kesedaran kepada pelanggan mengenai keperluan undang-undang bertulis berkaitan.

FUNGSI

- 1** Untuk menguatkuasakan semua undang-undang bertulis yang berkaitan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin, bagi memastikan bahawa tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport ke dalam dan dieksport ke luar Malaysia mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan.
- 2** Untuk mengeluarkan permit, lesen dan perakuan bagi maksud import dan eksport tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma.
- 3** Untuk memastikan bahawa semua tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport ke dalam dan dieksport ke luar Malaysia digredkan, dibungkuskan dan dilabelkan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan.
- 4** Untuk menubuhkan dan menguruskan stesen kuarantin.
- 5** Untuk menyertai pemeriksaan dan pemerakuan premis negara pengeksport bersama-sama dengan agensi dan jabatan yang berkaitan, jika perlu.
- 6** Untuk menyertai agensi dan jabatan yang berkaitan di peringkat antarabangsa dalam perkara yang berhubungan dengan kuarantin dan import dan eksport tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan agromakanan, jika perlu.
- 7** Untuk memberikan maklum balas dan syor kepada agensi atau jabatan yang berkaitan tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan import dan eksport tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan agromakanan.
- 8** Untuk memudahkan dan mengadakan khidmat nasihat tentang pematuhan syarat-syarat import dan eksport bagi tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan kepada pengimport, pengeksport dan ejen yang terlibat dalam import dan eksport tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan agromakanan.
- 9** Untuk melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang perlu bagi pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] serta peraturan-peraturan di bawahnya.





PUNCA KUASA AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011 [AKTA 728]

- 1** Untuk mengkuarantinkan dan memeriksa apa-apa tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, premis, pengangkut atau apa-apa benda lain di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin bagi maksud untuk menentukan sama ada perosak, penyakit atau bahan cemar wujud dan untuk memastikan pematuhan apa-apa tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma dengan syarat-syarat import dan eksport sebagaimana yang dinyatakan dalam permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah Akta MAQIS 2011.
- 2** Untuk memeriksa makanan dan menguatkuasakan perkara yang berhubungan dengan makanan di pintu masuk mengikut Akta Makanan 1983.
- 3** Untuk mengenakan dan memungut fi atau apa-apa caj lain yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah Akta MAQIS 2011.
- 4** Untuk menempatkan apa-apa tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma di bawah kawalan kuarantin di stesen kuarantin atau premis kuarantin bagi suatu tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.
- 5** Untuk mendaftar semua pengimport, pengeksport dan ejen yang terlibat dalam import dan eksport tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma.
- 6** Untuk mengeluarkan permit, lesen dan perakuan bagi maksud import dan eksport tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma.
- 7** Untuk mengisytiharkan mana-mana premis sebagai premis kuarantin bagi maksud kuarantin dan pemeriksaan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma.
- 8** Untuk menjalankan tatacara kuarantin ke atas mana-mana tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, premis, pengangkut atau apa benda lain dalam tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.
- 9** Untuk menolak kemasukan di pintu masuk apa-apa tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma.

PIAGAM PELANGGAN

Kami warga kerja MAQIS beriltizam memberikan perkhidmatan kami secara professional kepada pelanggan-pelanggan kami dengan cara:

- 1** Mengeluarkan permit, lesen, perakuan import dan eksport bagi tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma dalam tempoh 24 jam.
- 2** Membuat pemeriksaan dan pelepasan konsainan yang diimport dalam masa satu (1) jam (lalu udara), satu (1) jam (lalu darat) dan satu (1) hari (lalu laut) dari masa pengisytiharan dibuat yang telah tersedia untuk diperiksa.
- 3** Membuat pemeriksaan dan pelepasan konsainan yang dieksport dalam masa satu (1) jam (lalu udara, lalu darat dan lalu laut) dari masa pengisytiharan dibuat yang telah tersedia untuk diperiksa.
- 4** Membuat pemeriksaan bagasi dan penumpang yang masuk melalui lalu udara, lalu darat dan lalu laut dalam masa sepuluh (10) minit.
- 5** Membuat keputusan tindakan tatacara kuarantin (pengujian, perawatan atau pelupusan) dalam tempoh satu (1) hari menggunakan Borang MQ2 selepas pemeriksaan.
- 6** Memberi maklum balas terhadap semua aduan, pertanyaan dan rayuan daripada pelanggan dalam tempoh dua (2) hari bekerja dari waktu penerimaan. Semua aduan akan diselesaikan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.





Ketua Pengarah

Tuan Shamsul Akbar
bin Sulaiman



**Timbalan
Ketua Pengarah**

Dr. Azhari Sharidan
bin Abu Bakar

PENGARAH BAHAGIAN & KETUA UNIT



**Pengarah Bahagian
Pemeriksaan dan
Penguatkuasaan**

Siti Nur bt Ahmad



**Pengarah
Bahagian Import
Eksport dan Data**

Muhammad Ezamry
bin Arpan



**Pengarah
Bahagian
Kuarantin**

Dr. Mohd Syazuwan
bin Abd Jalil



**Pengarah
Bahagian Dasar
dan Perancangan**

Zeti Hafiza bt
Zakaria



**Pengarah
Bahagian Khidmat
Pengurusan**

Mohd Saifullah
bin Roslan



**Ketua Unit
Perundangan
dan Pendakwaan**

Suhail bin
Abdul Halim



**Ketua Unit
Integriti**

Abdul Muhyi bin
Mohamad Hatta



**Ketua Unit
Komunikasi
Korporat**

Rozita bt Superman



CARTA ORGANISASI
MAQIS
2024

MAQIS NEGERI



**Pengarah
Negeri Selangor**

Mohd Sobri bin
Md Hashim



**Pengarah
Negeri Johor**

Edie Putra bin
Md Yusof



**Pengarah
Negeri
Pulau Pinang**

Muhammad Ikram
bin Abd Talib



**Pengarah
Negeri Kelantan**

Syed Fuad bin
Syed Putra



**Pengarah
Negeri Kedah**

Hisham bin
Abu Bakar



**Pengarah
Negeri Perlis**

Roslan bin Che At



**Pengarah
Negeri Perak**

Mohd Noor
bin Hashim



**Pengarah
Negeri Pahang/
Terengganu**

Siti Noraizurah
bt Isman



**Pengarah
Negeri Labuan**

Nazrul Azman
bin Mat Rahim



**Pengarah
Negeri Melaka/
Negeri Sembilan**

Nora Dinah
bt Abd Rahman



LAPORAN TAHUNAN

MAQIS

2024





Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan



PENGENALAN

Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan merupakan salah satu bahagian teknikal yang ditubuhkan untuk memantau dan menyelaras sebarang aktiviti pengimportan dan pengeksportan komoditi pertanian, sama ada dari aspek pemeriksaan atau penguatkuasaan. Selain itu, bahagian ini juga memastikan segala prosedur yang ditetapkan adalah selaras dan sentiasa relevan untuk digunakan di semua pintu masuk, stesen kuarantin, dan premis kuarantin di bawah kawalan MAQIS.

FUNGSI BAHAGIAN

- 1** Merancang, menyelaras, dan menguruskan aktiviti berkaitan pemeriksaan serta penguatkuasaan di semua pintu masuk, stesen kuarantin, dan premis kuarantin di seluruh Malaysia mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).
- 2** Menyelaras pengumpulan data dan pelaporan berkaitan aktiviti pemeriksaan serta penguatkuasaan di pintu masuk.
- 3** Menyelaras dan memantau aktiviti pemeriksaan yang merangkumi persampelan, penguatkuasaan, dan operasi di pintu masuk mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) serta Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) yang dikuatkuasakan.
- 4** Menyelaras dan memantau pengendalian kes-kes pelanggaran syarat yang melibatkan ketidakpatuhan di bawah Akta 728.
- 5** Merancang pembangunan *Standard Operating Procedure* (SOP) serta mengemaskini SOP dan arahan semasa yang berkaitan dengan pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk.
- 6** Menguruskan perolehan fasiliti pemeriksaan dan penguatkuasaan untuk digunakan di pintu masuk.
- 7** Merancang pembangunan kursus, latihan teknikal, bengkel, mesyuarat, seminar, atau program berkaitan pemeriksaan dan penguatkuasaan.
- 8** Membantu mengendalikan aduan atau pertanyaan daripada syarikat, persatuan, agensi, atau badan persendirian yang berkaitan dengan pemeriksaan dan penguatkuasaan melalui emel, telefon, dan perjumpaan.

PELAPORAN BIOSEKURITI

A Persampelan African Swine Fever (ASF)

ASF	Jumlah Sampel	Jumlah Positif
	257	5

Jumlah persampelan dan pengesanan ASF

2023	2024
414	257

Perbandingan jumlah persampelan ASF di pintu masuk MAQIS

Sebanyak 257 sampel daging babi dan produk hasilan babi yang diimport telah dianalisis pada tahun 2024, menunjukkan penurunan jumlah persampelan berbanding tahun 2023, iaitu sebanyak 414 sampel. Lima sampel yang dibawa masuk melalui laluan penumpang telah dikesan positif virus ASF. Susulan penularan penyakit ASF di beberapa negara, arahan larangan pengimportan babi hidup, daging babi, dan produk hasilan babi daripada 13 buah negara masih berkuat kuasa sehingga kini.

B Persampelan Keratan Ayam Sejuk Beku

Keratan Ayam Sejuk Beku	Jumlah Sampel	Jumlah Positif
	504	5

Jumlah persampelan keratan ayam sejuk beku

2023	2024
208	504

Perbandingan jumlah persampelan keratan ayam sejuk beku di pintu masuk MAQIS

Sebanyak 504 persampelan keratan ayam sejuk beku telah diambil untuk tujuan pengesanan virus *Avian Influenza* (AI), *Salmonella* dan *Newcastle Disease* (ND). Daripada jumlah tersebut, terdapat 5 sampel didapati positif *Avian Influenza* (AI) dan *Newcastle Disease* (ND). Tindakan kawalan terhadap kesemua konsainan yang didapati positif telah dijalankan dengan kerjasama antara MAQIS dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

C Persampelan Ruminan / Produk Ruminan

Ruminan / Produk Ruminan	Jumlah Sampel	Jumlah Positif
	619	48

Jumlah persampelan ruminan / produk ruminan

2023	2024
491	619

Perbandingan jumlah persampelan ruminan / produk ruminan di pintu masuk MAQIS

Pada tahun 2024, sebanyak 619 sampel ruminan dan produk ruminan telah diambil dan dihantar ke Makmal Veterinar di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi tujuan analisis mikroorganisma. Sejumlah 48 sampel telah dikesan mengandungi *Salmonella spp.*, *Coliform*, dan *E. coli*. Lebih 80% daripada jumlah sampel yang diambil adalah daripada konsainan yang diimport dari India. Terdapat peningkatan jumlah persampelan ruminan sebanyak 26% bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023.

D Pintasan / Persampelan Produk Pertanian

Pintasan / Persampelan Produk Pertanian	Jumlah Sampel	Jumlah Positif
	7174	363

Jumlah pintasan / persampelan produk pertanian

2023	2024
4232	7174

Perbandingan jumlah pintasan / persampelan produk pertanian di pintu masuk MAQIS

Sepanjang tahun 2024, sejumlah 7,174 persampelan telah dilaksanakan bagi pelbagai komoditi tumbuhan, merangkumi buah-buahan, sayur-sayuran, bijirin serta lain-lain komoditi pertanian di semua pintu masuk kawalan MAQIS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 363 perosak telah dijumpai, di mana perosak yang paling kerap dikesan adalah *Bactrocera spp.* dan *Plutella spp.* Terdapat peningkatan jumlah persampelan sebanyak 70% bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023.

E Rampasan / Tahanan Babi

Rampasan / Tahanan Babi	Jumlah Rampasan / Tahanan
	1808

Jumlah rampasan / tahanan babi

2023	2024
1538	1808

Perbandingan jumlah rampasan / tahanan babi di pintu masuk MAQIS

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 1,808 rampasan atau tahanan daging dan produk hasilan babi telah dilakukan, dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM168,731.30. Terdapat peningkatan sebanyak 18% dalam jumlah rampasan dan tahanan bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh pertambahan jumlah pelancong yang memasuki negara, sekali gus menyebabkan peningkatan rampasan dan tahanan pelbagai produk pertanian di pintu masuk negara.


SEKSYEN PENGUATKUASAAN

KES KETIDAKPATUHAN

Bagi tahun 2024, sebanyak 639 kes telah direkodkan atas pelanggaran Akta 728, melibatkan nilai komoditi sebanyak RM553.64 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 250 kes telah dibuka *Investigation Paper* (IP) bagi tindakan penguatkuasaan lanjut, manakala 389 kes telah diselesaikan melalui proses semakan lanjut dalam *Enquiry Paper* (EP). Kes-kes ini melibatkan semua pintu masuk di setiap negeri.

Jumlah Kes Ketidakpatuhan	Nilai Dagangan
639	RM 553.64 Juta


JUMLAH KES KETIDAKPATUHAN



PECAHAN KES KETIDAKPATUHAN MENGIKUT NEGERI

Negeri	Jumlah Kes	Nilai Dagangan
Selangor	300	RM 438,268,165.83
Johor	111	RM 86,283,268.06
Pulau Pinang	190	RM 25,807,841.42
Kelantan	10	RM 76,702.00
Kedah	17	RM 2,561,625.88
Perlis	4	RM 7,781.00
Pahang / Terengganu	4	RM 359,548.39
Perak	3	RM 274,366.37
W/P Labuan	0	RM 0
Melaka / Negeri Sembilan	0	RM 0
Jumlah	639	RM 553,639,298.95

PECAHAN KES MENGIKUT SEKSYEN DI BAWAH AKTA 728 :



NOTA

Seksyen 11 : Tiada permit atau permit lewat semasa pengimportan atau pengeksportan


Seksyen 13 : Dokumen pengimportan yang mengelirukan

Seksyen 14 : Kehadiran penyakit, perosak atau bahan cemar

Seksyen 15 : Tidak mematuhi syarat-syarat pengimportan atau pengeksportan.

Peraturan : Tidak mematuhi mana-mana peraturan dibawah Akta 728.

PECAHAN KES MENGIKUT SEKTOR (KOMODITI) DI BAWAH AKTA 728 :



KOMPAUN

Daripada 250 kes yang telah dibuka *Investigation Paper* (IP) oleh MAQIS, sebanyak 229 kes telah dikenakan tindakan kompaun. Jumlah keseluruhan kutipan kompaun adalah sebanyak **RM1.3 juta**.

Negeri	Jumlah Kes Kompaun	Nilai Kompaun
Selangor	162	RM 959,300.00
Johor	18	RM 93,000.00
Pulau Pinang	27	RM 106,400.00
Kelantan	7	RM 7,000.00
Kedah	10	RM 125,700.00
Perlis	1	RM 1,000.00
Pahang / Terengganu	1	RM 2,000.00
Perak	3	RM 10,100.00
W/P Labuan	0	RM 0
Melaka / Negeri Sembilan	0	RM 0
Jumlah	229	RM 1,304,500.00

Secara keseluruhan, bahagian ini telah melaksanakan tugas dan fungsinya dengan berkesan dalam memastikan komoditi pertanian yang masuk ke dalam negara dikawal dan bebas daripada sebarang penyakit, perosak serta bahan cemar yang boleh menggugat keselamatan makanan dan industri pertanian negara. Inisiatif serta usaha pemeriksaan dan penguatkuasaan akan terus diperhebat pada masa akan datang melalui perancangan yang lebih tersusun.



Bahagian Kuarantin



PENGENALAN

- 1** Bertanggungjawab mengesyorkan tatacara kuarantin di Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin selaras dengan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].
- 2** Menyelaraskan dan memantau semua aktiviti kuarantin serta merancang strategi pencegahan, kawalan dan pembasmian penyakit haiwan yang berlaku di Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin. Turut bertanggungjawab memastikan kemasukan penyakit jangkitan haiwan yang tidak diingini ke dalam negara dapat dihalang dengan pelaksanaan mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan.

FUNGSI BAHAGIAN KUARANTIN

- 1** Merancang dan menyelaraskan tindakan kuarantin di Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin.
- 2** Menguatkuasakan Akta MAQIS 2011 serta undang-undang bertulis berkaitan di Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin bagi tumbuhan, haiwan, dan ikan.
- 3** Merancang pembangunan keperluan kemudahan dan peralatan yang diperlukan.
- 4** Membangunkan kepakaran sumber manusia dalam bidang kuarantin melalui latihan dan pembangunan berterusan.
- 5** Memantau dan menyelaraskan kes-kes ketidakpatuhan di Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin.
- 6** Menyelaraskan kajian serta tindakan kawalan penyakit di Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin.
- 7** Menjalinkan kerjasama dengan agensi serta pelanggan bagi meningkatkan kefahaman dan pematuhan terhadap piawaian kuarantin.


PELAPORAN STESEN KUARANTIN

JUMLAH KEMASUKAN HAIWAN DI STESEN KUARANTIN

Stesen Kuarantin	Jumlah Kemasukan Haiwan Di Stesen Kuarantin Tahun 2024						Jumlah (Ekor)
	Kucing	Anjing	Lembu	Kuda	Unggas	Lain-Lain	
KLIA	2,255	1,321	0	711	1,021	15	5,323
P. Besar	28	23	4,176	0	0	0	4,227
Batu Maung	194	84	0	3	2	0	283
Rantau Panjang	0	0	140	0	0	0	140
Labuan	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	2,477	1,428	4,316	714	1,023	15	9,973

Jadual di atas menunjukkan jumlah kemasukan haiwan ke Stesen Kuarantin bagi tahun 2024. Jumlah tersebut direkodkan mengikut jenis haiwan, dengan kategori lembu mencatatkan jumlah kemasukan tertinggi bagi tahun tersebut. Pada masa ini, MAQIS mengawal selia lima Stesen Kuarantin, iaitu SK KLIA, SK Rantau Panjang, SK Batu Maung, SK Padang Besar, dan SK Labuan. Setiap stesen mempunyai fasiliti yang boleh menampung kemasukan haiwan mengikut kapasiti sedia ada.

JUMLAH KEMASUKAN HAIWAN DI STESEN KUARANTIN





KEMASUKAN HAIWAN DAN KUTIPAN HASIL DI STESEN KUARANTIN TAHUN 2023 & 2024

Tahun	2023	2024
Jumlah Kemasukan Haiwan	9,872 ekor	9,973 ekor
Jumlah Kutipan Hasil	RM 452,408.00	RM 575,176.30

Berdasarkan jadual di atas, jumlah kemasukan haiwan ke Stesen Kuarantin menunjukkan peningkatan daripada 9,872 ekor pada tahun 2023 kepada 9,973 ekor pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 101 ekor atau kira-kira 1.02%. Peningkatan jumlah kemasukan haiwan ini turut disusuli dengan kenaikan ketara dalam kutipan hasil, daripada RM452,408.00 pada tahun 2023 kepada RM575,176.30 pada tahun 2024, bersamaan peningkatan sebanyak RM122,768.30 atau 27.1%.

Sekiranya kemasukan haiwan melebihi kapasiti fasiliti Stesen Kuarantin MAQIS sedia ada, pemilik haiwan boleh memohon kepada Ketua Pengarah MAQIS untuk pengisytiharan premis kuarantin swasta.

PELAPORAN PREMIS KUARANTIN SWASTA

Kuasa Ketua Pengarah MAQIS di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], khususnya peruntukan Seksyen 9(g), membolehkan pengisytiharan mana-mana premis sebagai premis kuarantin swasta. Jenis kelulusan adalah tertakluk kepada kategori permohonan dan komoditi, sama ada secara *one-off* atau kelulusan bertempoh. MAQIS sentiasa menjalin kerjasama dengan agensi serta pelanggan bagi memudahcara urusan, meningkatkan kefahaman dan memastikan pematuhan terhadap piawaian kuarantin.

JUMLAH KEMASUKAN HAIWAN DI STESEN KUARANTIN

Negeri	Jumlah Kemasukan Haiwan Di Stesen Kuarantin Tahun 2024								Jumlah (Ekor)
	Kucing	Anjing	Lembu	Kambing	Kerbau	Kuda	Unggas	Lain-Lain	
Selangor	699	278	0	0	0	64	0	11	1,052
Johor	0	0	400	1,450	0	0	0	0	1,850
P. Pinang	2	7	0	0	0	0	0	880	889
Perlis	0	1	2,216	0	0	0	0	0	2,217
Kedah	0	0	28,228	0	529	0	0	0	28,757
Perak	0	0	661	0	0	88	0	2	751
N. Sembilan	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Melaka	4	1	429	0	0	6	8	0	448
Pahang	0	0	0	0	0	18	0	0	18
Terengganu	0	0	0	0	0	15	0	0	15
Kelantan	0	0	399	0	0	0	0	0	399
Jumlah	705	287	32,333	1,450	529	191	8	893	36,396

Jadual di atas menunjukkan jumlah kemasukan haiwan ke Premis Kuarantin bagi tahun 2024. Jumlah tersebut direkodkan mengikut jenis haiwan, dengan kategori lembu mencatatkan jumlah kemasukan tertinggi yang telah dikuarantin di Premis Kuarantin Swasta yang diluluskan oleh MAQIS.



KEMASUKAN HAIWAN DAN KUTIPAN HASIL DI PREMIS KUARANTIN TAHUN 2023 & 2024

Tahun	2023	2024
Jumlah Kemasukan Haiwan	30,359 ekor	36,396 ekor
Jumlah Kutipan Hasil	RM 69,018.50	RM 89,832.00

Berdasarkan jadual di atas, jumlah kemasukan haiwan di Premis Kuarantin menunjukkan peningkatan daripada 30,359 ekor pada tahun 2023 kepada 36,396 ekor pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 6,037 ekor atau sekitar 20%. Seiring dengan peningkatan tersebut, jumlah kutipan hasil turut meningkat daripada RM69,018.50 pada tahun 2023 kepada RM89,832.00 pada tahun 2024, bersamaan peningkatan sebanyak RM20,813.50 atau kira-kira 30%.

PREMIS KUARANTIN MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2024



Rajah ini menunjukkan pecahan kelulusan premis kuarantin mengikut negeri bagi tahun 2024. Selangor mencatatkan jumlah kelulusan tertinggi dengan 91 premis, diikuti oleh Pulau Pinang (35 premis) dan Perak (34 premis). Kelulusan di negeri-negeri lain adalah seperti Kedah (20 premis), Johor (17 premis), Negeri Sembilan (11 premis), Melaka (6 premis), Terengganu (5 premis), serta Kelantan, Pahang dan Perlis yang masing-masing mencatatkan 3 premis. Secara keseluruhannya, sebanyak 228 premis kuarantin telah diluluskan bagi tahun 2024.

PREMIS KUARANTIN MENGIKUT JENIS HAIWAN

Komoditi	Jumlah Premis Kelulusan Yang Diluluskan Tahun 2024
Kucing	35
Anjing	35
Kuda	9
Lembu	13
Hidupan Liar	9
Bebiri & Kambing	1
Ikan	125
Unggas	2
Jumlah	228

Jadual di atas menunjukkan pecahan kelulusan Premis Kuarantin mengikut jenis haiwan bagi tahun 2024. Jumlah pengisytiharan Premis Kuarantin Ikan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 125 premis yang diluluskan oleh MAQIS. Ini selaras dengan usaha MAQIS untuk memperluaskan pengisytiharan premis kuarantin ikan di seluruh negara di bawah Jabatan.

Permohonan Premis Kuarantin bertujuan membantu pemohon dalam proses mengkuarantinkan haiwan atau ikan yang diimport atau dieksport. Namun demikian, MAQIS masih tidak dapat menyediakan kemudahan premis kuarantin bagi haiwan liar tertentu seperti singa, harimau dan burung akuatik. Pengisytiharan Premis Kuarantin Haiwan ini dijangka dapat memudahcara urusan kemasukan serta pengeksporan spesies haiwan tertentu, di samping memperkukuh industri pelancongan negara melalui kemasukan haiwan istimewa ke dalam negara.

KELULUSAN KHAS MAQIS TAHUN 2024



Pecahan di atas menunjukkan data kelulusan khas yang dikeluarkan oleh Jabatan bagi tahun 2024. Kelulusan khas ini diberikan untuk kemasukan haiwan kesayangan (kucing dan anjing) dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia, bertujuan mengekang penularan penyakit haiwan dan zoonotik seperti penyakit rabies. Kawalan ke atas baka terhad juga adalah selaras dengan polisi Jabatan Dasar, iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam memastikan haiwan tersebut berada di bawah penjagaan pihak yang berkeelayakan.

Sebarang kemasukan anjing baka terhad memerlukan surat kelulusan daripada Ketua Pengarah MAQIS sebelum haiwan tersebut dibenarkan masuk ke negara. Kawalan juga dikenakan terhadap pergerakan transit bagi haiwan seperti kucing dan anjing yang menyertai pertandingan.

Secara keseluruhannya, tiada insiden yang melibatkan kemasukan penyakit jangkitan haiwan direkodkan di pintu masuk negara. Bahagian Kuarantin sentiasa berada dalam keadaan bersiap siaga bagi memastikan kawalan penyakit haiwan rentas sempadan dapat dilaksanakan dengan berkesan.



Bahagian Import Eksport dan Data

PENGENALAN

Bahagian Import, Eksport dan Data (BIED) merupakan bahagian yang bertanggungjawab memastikan pengeluaran permit import dan eksport produk agromakanan berjalan lancar sebagaimana yang tertakluk di bawah kuasa **Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728)**. Tujuan pengeluaran permit import dan eksport ini adalah bagi memastikan setiap produk yang diimport dan dieksport bebas daripada penyakit, perosak, bahan cemar serta memenuhi tahap kualiti dan keselamatan makanan. Segala ketetapan kawalan adalah berdasarkan syarat permit yang ditetapkan oleh jabatan dasar utama seperti **Jabatan Pertanian (DOA)**, **Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)** dan **Jabatan Perikanan (DOF)**. Selain itu, BIED turut bertanggungjawab menyelaraskan dan mengurus data transaksi import, eksport dan kuarantin haiwan, ikan atau tumbuhan bagi membantu MAQIS dan Kementerian menyediakan maklumat berkaitanimbangan dagangan negara. Akhir sekali, BIED juga memastikan sistem perkhidmatan yang berkaitan perdagangan berjalan dengan lancar bagi kegunaan Jabatan serta pengguna awam.

FUNGSI BIED

Fungsi utama BIED adalah:

- 1** Mengeluarkan permit import dan eksport bagi tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, dan mikroorganisma.
- 2** Menyelaraskan serta menyediakan pengumpulan data dan laporan berkaitan maklumat aktiviti pengimportan dan pengeksportan keluaran pertanian.
- 3** Meningkatkan jalinan perhubungan strategik bersama pemegang taruh melalui perkhidmatan khidmat pelanggan, sama ada melalui panggilan telefon, emel, atau secara bersemuka.
- 4** Menganjurkan bengkel, kursus, atau sesi libat urus mengenai prosedur import dan eksport.

GERAK KERJA BIED

Bagi menyokong pengoperasian MAQIS, BIED telah melaksanakan perkara-perkara berikut :

- 1** Memantau dan mengawal kelulusan permit import dan eksport bagi tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih, dan mikroorganisma.
- 2** Membangunkan sistem operasi ICT dengan cekap selaras peranan dan fungsi Jabatan dalam mencapai kepuasan pelanggan.
- 3** Mengumpul, menganalisis, dan menerbitkan laporan data import dan eksport yang tertakluk di bawah bidang kuasa Akta MAQIS secara berkala.
- 4** Memberi maklum balas dan syor kepada agensi atau jabatan berkaitan mengenai apa-apa perkara yang berhubung dengan aktiviti import dan eksport.
- 5** Memberi khidmat nasihat kepada pengimport, pengeksport, dan ejen yang terlibat berkenaan pematuhan syarat-syarat import dan eksport, penggunaan sistem yang berkaitan, serta isu-isu lain yang melibatkan BIED.


LAPORAN PERMIT IMPORT, EKSPORT DAN DATA

Secara keseluruhan, pada tahun 2024 MAQIS telah mengeluarkan sebanyak 880,359 permit import dan eksport berbanding 850,391 permit yang dikeluarkan pada tahun 2023. Perincian jumlah permit pada tahun 2024 mengikut komoditi boleh dirujuk pada rajah di bawah.

IMPORT

Sebanyak 293,065 permit import telah dikeluarkan bagi tahun 2024. Jumlah permit import tertinggi adalah bagi komoditi tumbuhan dan produk berasaskan tumbuhan, iaitu sebanyak 146,649 permit. Ini diikuti oleh permit bagi komoditi ikan hidup dan produk perikanan sebanyak 80,541 permit, manakala selebihnya sebanyak 65,875 permit untuk komoditi haiwan dan produk haiwan.

PERMIT IMPORT TAHUN 2024: 293,065



SEKTOR

HAIWAN

IKAN

TUMBUHAN


Tarikh Kelulusan	Bilangan Permit	Kuantiti (MT)	Nilai (RM) Juta	Bilangan Permit	Kuantiti (MT)	Nilai (RM) Juta	Bilangan Permit	Kuantiti (MT)	Nilai (RM) Juta
Januari	5,433	165,618	2,851	8,118	220,352	6,326	12,842	3,536,961	9,554
Februari	4,973	158,109	4,065	6,160	162,986	7,148	10,830	3,318,136	9,832
Mac	5,863	185,015	2,197	7,007	189,085	13,205	11,624	4,347,583	15,230
April	5,169	149,196	2,905	5,942	158,032	14,766	11,433	3,974,922	266,860
Mei	5,689	199,542	5,225	6,511	169,760	32,672	12,131	4,244,357	15,319
Jun	5,366	168,162	26,755	5,928	146,735	9,897	11,341	3,093,233	9,601
Julai	5,466	172,551	2,359	6,669	161,054	40,575	12,925	4,583,853	19,243
Ogos	5,697	170,272	2,561	6,768	153,878	4,486	12,720	3,646,729	223,158
September	5,367	162,087	3,153	6,196	142,932	8,242	11,217	4,642,573	16,502
Oktober	5,887	169,947	2,134	6,834	148,102	35,661	12,041	4,336,637	150,814,422
November	5,624	168,693	880,292	6,840	165,963	2,115	12,998	3,313,458	775,042,695
Disember	5,341	142,329	13,428	7,568	176,835	3,052	14,547	3,512,195	216,424
Jumlah	65,875	2,011,522	947,925	80,541	1,995,714	178,146	146,649	46,550,637	926,658,840


**Sumber maklumat : Data dari sistem New ePermit

EKSPORT

Sebanyak 587,294 permit eksport telah dikeluarkan bagi tahun 2024. Jumlah transaksi permit eksport pula merekodkan yang tertinggi adalah bagi komoditi tumbuhan dan produk tumbuhan, iaitu sebanyak 393,237 permit. Ini diikuti oleh permit bagi komoditi haiwan dan produk haiwan sebanyak 131,810 permit, manakala 62,247 permit telah dikeluarkan bagi komoditi ikan hidup dan produk perikanan.

PERMIT EKSPORT TAHUN 2024: 587,294





SEKTOR	HAIWAN	IKAN	TUMBUHAN
--------	--------	------	----------

Tarikh Kelulusan	Bilangan Permit	Kuantiti (MT)	Nilai (RM) Juta	Bilangan Permit	Kuantiti (MT)	Nilai (RM) Juta	Bilangan Permit	Kuantiti (MT)	Nilai (RM) Juta
Januari	11,554	529,845	251,926	5,579	32,992	367	32,628	259,543	826
Februari	9,852	452,081	230,212	4,460	30,879	334	28,940	2,765,828	733
Mac	11,109	478,280	274,205	5,089	40,371	383	33,089	4,312,378	651
April	10,630	508,800	276,074	4,941	38,886	347	29,662	271,153	601
Mei	11,608	514,378	319,653	5,472	42,814	341	33,167	366,416	611
Jun	10,303	467,791	147,166	4,778	34,802	302	30,884	6,721,232	499
Julai	11,603	560,252	384,782	5,250	36,579	423	37,419	275,380	708
Ogos	11,310	642,504	135,676	5,344	36,716	339	36,714	1,111,004	818
September	10,017	739,180	47,150	4,939	36,542	317	31,903	3,594,443	646
Oktober	11,787	569,191	302,523	5,566	42,386	357	32,995	1,160,634	1983
November	10,921	725,203	149,699	5,398	42,436	352	31,623	292,497	562
Disember	11,116	619,690	39,495	5,431	344,959	397	34,213	342,621	649
Jumlah	131,810	6,807,195	2,558,560	62,247	760,363	4,259	393,237	21,473,129	9,287

**Sumber maklumat : Data dari sistem New ePermit

RUMUSAN

Sepanjang 2024, BIED berjaya memperkukuh hubungan dengan rakan dagang pertanian melalui pengurusan permit import dan eksport yang lebih cekap serta pematuhan syarat antarabangsa. Penerapan proses **kelulusan automatik lima (5) minit** menjadi antara pencapaian utama yang meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta keyakinan industri terhadap fasilitasi perdagangan MAQIS. Melalui pengurusan data yang lebih sistematik, kerjasama rapat dengan jabatan dasar, serta peningkatan penggunaan sistem digital, BIED terus menyokong kelancaran urusan dagangan agromakanan negara. Secara keseluruhan, BIED kekal sebagai pemangkin utama dalam memastikan perdagangan pertanian yang selamat, lancar dan berdaya saing di peringkat global.

5 ITEM TERTINGGI DI EKSPORT

(Berdasarkan Jumlah Permit Dikeluarkan)

HAIWAN HIDUP DAN PRODUK HAIWAN

- 1 Produk Tenusu
47,270 Permit
2,107,741 MT =
RM 39,519 Juta
- 2 Haiwan Hidup - Unggas
16,907 Permit
41 Juta Ekor =
RM 627 Juta
- 3 Makanan Haiwan
(Bukan Berasaskan Haiwan)
11,946 Permit
530,995 MT =
RM 5,873 B
- 4 Telur
11,004 Permit
1,647 Juta Biji =
RM 524 Juta
- 5 Produk Tambah Nilai Unggas
10,033 Permit
171,286 MT =
RM 3,514 Juta

HASIL PERIKANAN & PRODUK PERIKANAN

- 1 Siapak (Basah)
4,530 Permit
23,019 MT =
RM 207 Juta
- 2 Fish Cake (Proses)
4,141 Permit
12,594 MT =
RM 198 Juta
- 3 Sotong Basah (Basah)
4,077 Permit
3,415 MT =
RM 16 Juta
- 4 Bawal Emas (Basah)
3,512 Permit
2,175 MT =
RM 18 Juta
- 5 Kerisi (Basah)
3,447 Permit
2,253 MT =
RM 5 Juta

HASIL TUMBUHAN & PRODUK PERTANIAN

- 1 Sayuran Segar
132,673 Permit
1,239,613 MT =
RM 1,897 Juta
- 2 Buah Segar
97,032 Permit
236,584 MT =
RM 3,741 Juta
- 3 Produk Hasil Tumbuhan
60,566 Permit
4,111,085 MT =
RM 2,353 Juta
- 4 Tanaman Hiasan
28,332 Permit
118,762 MT =
RM 183 Juta
- 5 Tanaman Rumput (Cover Crop)
17,908 Permit
123,715 MT =
RM 29 Juta

5 ITEM TERTINGGI DI IMPORT

(Berdasarkan Jumlah Permit Dikeluarkan)

HAIWAN HIDUP DAN PRODUK HAIWAN

- 1 Produk Tenusu
15,270 Permit
512,880 MT =
RM 22,083 Juta
- 2 Produk Unggas
11,177 Permit
282,674 MT =
RM 3,639 Juta
- 3 Produk Ruminan
9,597 Permit
246,783 MT =
RM 5,809 Juta
- 4 Makanan Haiwan
(Bukan Berasaskan Haiwan)
9,096 Permit
350,321 MT =
RM 15,205 Juta
- 5 Makanan Haiwan Kesayangan
4,604 Permit
128,667 MT =
RM 1,120 Juta

HASIL PERIKANAN & PRODUK PERIKANAN

- 1 Kerapu (Basah)
19,335 Permit
26,615 MT =
RM 1,969 Juta
- 2 Sotong (Basah)
18,832 Permit
34,821 MT =
RM 220 Juta
- 3 Ikan Merah (Basah)
18,628 Permit
26,683 MT =
RM 199 Juta
- 4 Bawal Hitam (Basah)
17,790 Permit
30,561 MT =
RM 209 Juta
- 5 Selayang Keropok (Basah)
17,613 Permit
71,282 MT =
RM 219 Juta


HASIL TUMBUHAN & PRODUK PERTANIAN

- 1 Tanaman Buahhan
32,736 Permit
1,501,523 MT =
RM 6,183 Juta
- 2 Tanaman Sayuran
25,941 Permit
418,415 MT =
RM 5,603 Juta
- 3 Tanah (Tanah/Mineral)
11,393 Permit
5,220,389 MT =
RM 15,646 Juta
- 4 Tanaman Industri
11,211 Permit
1,773,897 MT =
RM 109,711 Juta
- 5 Tanaman Ladang
10,945 Permit
35,876,708 MT =
RM 4,162 Juta




5 NEGARA DESTINASI PENGIMPORT UTAMA

(Berdasarkan Jumlah Permit Eksport Dikeluarkan)




Sektor Haiwan (Permit Eksport)

- Singapura (37%)
 - i. Tabbie Egg (10,734)
 - ii. Chicken Broiler (8,424)
 - iii. Live Duck (4,668)
- Thailand (4%)
 - i. Buffalo, Buffalo Meat Deboned Frozen (1,570)
 - ii. Chicken Liver (566)
 - iii. Frozen Chicken Feet (406)
- China (3%)
 - i. Edible Bird Nest (Raw Cleaned) (1,990)
 - ii. Edible Bird Nest (Raw Uncleaned) (256)
 - iii. Palm Kernel Expeller (171)
- Indonesia (2%)
 - i. Sweetened Creamer (344)
 - ii. Bird Nest (138)
 - iii. Chiken Floss (106)
- Brunei Darussalam (2%)
 - i. Milo Active Go (406)
 - ii. Nestle lactogen (145)
 - iii. Everyday FMP Softpack (64)
- Lain-lain negara (52%)




Sektor Ikan (Permit Eksport)

- Singapura (67%)
 - i. Sotong (Basah) (3,634)
 - ii. Pari (Basah) (3,417)
 - iii. Fish Cake (Proses) (3,190)
- Thailand (11%)
 - i. Siakap (Basah) (1,358)
 - ii. Bawal Emas (Basah) (953)
 - iii. Kerang (Basah) (882)
- China (7%)
 - i. Ketam bakau (972)
 - ii. Ribbon (Sejuk beku) (605)
 - iii. Sotong (Sejuk beku) (577)
- Hong Kong (2%)
 - i. Ribbon (Sejuk beku) (186)
 - ii. Sotong (Sejuk beku) (157)
 - iii. Belut (Sejuk beku) (157)
- Indonesia (2%)
 - i. Sos Tiram (Proses) (279)
 - ii. Fish Cake (Proses) (174)
 - iii. Fish Ball (Proses) (108)
- Lain-lain negara (11%)



5 NEGARA ASAL UTAMA

(Berdasarkan Jumlah Permit Dikeluarkan)





Sektor Tumbuhan (Permit Eksport)

- Singapore (89%)
 - i. Cucumber (71,288)
 - ii. Tomato (62,576)
 - iii. Bitter Gourd (59,196)
- Thailand (4%)
 - i. Garlic (10,251)
 - ii. Onion (9,465)
 - iii. Potato (6,816)
- Hong Kong (1%)
 - i. Durian (4,744)
 - ii. Chrysanthemum (199)
 - iii. Head Lettuce (186)
- Indonesia (1%)
 - i. Durian (735)
 - ii. Mango (274)
 - iii. Duku langsung (231)
- China (1%)
 - i. Durian (2,203)
 - ii. Chrysanthemum (21)
 - iii. Coconut (15)
- Lain-lain negara (4%)


Sektor Haiwan (Permit Import)

- Thailand (28%)
 - i. Chicken, Chicken Part Frozen (5,854)
 - ii. Ice Cream
 - iii. Chicken, Chicken Whole Carcass Frozen
- Singapore (10%)
 - i. Spent Grain (1,182)
 - ii. Fermented Soya Bean (462)
 - iii. Cheese (351)
- Australia (9%)
 - i. Mutton bone in frozen (702)
 - ii. MBM, Meat & Bone Meat (674)
 - iii. Beef, Beef Boneless Chilled
- India (9%)
 - i. Buffalo, meat Deboned Degland Frozen (5,006)
 - ii. Buffalo Meat Offal Lung (323)
 - iii. Buffalo Ofal Liver (179)
- New Zealand (8%)
 - i. Cheese
 - ii. Milk Powder
 - iii. Anhydrous Milk Fat
- Lain-lain negara (36%)



Sektor Ikan (Permit Import)

- Thailand (44%)
 - i. Selayang Keropok (Basah) (17,506)
 - ii. Sotong (Basah) (16,991)
 - iii. Cencaru (Basah) (16,352)
- Indonesia (16%)
 - i. Kerapu (Basah) (4,103)
 - ii. Merah (Basah) (3,626)
 - iii. Jenahak (Basah) (3,412)
- China (11%)
 - i. Sotong (Sejuk beku) (354)
 - ii. Udang (Proses) (297)
 - iii. Sardin (Proses) (295)
- Vietnam (5%)
 - i. Makanan Udang/ikan (1,311)
 - ii. *Pangasius Fillet* (373)
 - iii. Ikan Blis Kering (Proses) (291)
- Japan (5%)
 - i. Tuna (Sejuk beku) (878)
 - ii. *Sea urchin* (Proses) (661)
 - iii. *Mackarel* (Sejuk beku) (577)
- Lain-lain negara (19%)



Sektor Tumbuhan (Permit Import)

- Thailand (37%)
 - i. *Hot Chilli* (9,760)
 - ii. *Mango* (9,157)
 - iii. *Ginger* (4,951)
- China (18%)
 - i. *Mandaraine/tangerine* (2,968)
 - ii. *Cat Litter* (1,265)
 - iii. *Bentonite* (1,020)
- Indonesia (6%)
 - i. *Pisang* (1,410)
 - ii. *Jute* (850)
 - iii. *Jasmine* (774)
- India (6%)
 - i. *Jute* (2,986)
 - ii. *Rose* (1,865)
 - iii. *Bamboo* (589)
- Vietnam (3%)
 - i. *Pisang* (1,084)
 - ii. *Lime* (795)
 - iii. *Coffee* (453)
- Lain-lain negara (30%)



Bahagian Dasar dan Perancangan


BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

A Pengenalan

Bahagian Dasar dan Perancangan terdiri daripada dua seksyen utama iaitu **Seksyen Dasar** dan **Seksyen Pembangunan**. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan perancangan, penyelarasan dan pemantauan berkaitan dasar dan polisi Jabatan/Kementerian serta pembangunan. Objektif bahagian ini adalah bagi memastikan segala dasar dan polisi yang dibentuk berkaitan pengurusan, pengoperasian termasuk pembangunan projek-projek khususnya di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) selaras dengan hala tuju Jabatan/Kementerian. Disamping itu, bahagian ini juga dipertanggungjawabkan dalam menyelaraskan dan menyediakan input berhubung isu-isu penguatkuasaan industri pertanian dan agromakanan yang berkaitan sehingga di peringkat antarabangsa. Bagi melancarkan pengoperasian Jabatan, bahagian ini juga menjadi *focal point* utama dengan pihak-pihak berkepentingan.

B Fungsi

- 1 Menyelaraskan dan mengemaskini dokumen regulatori Jabatan seperti *Standard Operating Procedures* (SOP), Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP), Rang Undang-Undang MAQIS (Pindaan Akta 728), Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2013, serta dokumen berkaitan lain.
- 2 Menyelaraskan dan memantau pembangunan projek-projek khususnya di bawah RMKe-12 (2021-2025) di setiap negeri atau pintu masuk terlibat.
- 3 Merancang dan menyelaraskan pembangunan serta pelaksanaan Pelan Strategik MAQIS termasuk penyediaan buku Pelan Strategik MAQIS untuk rujukan semua pegawai dan pihak berkepentingan.
- 4 Menyelaraskan dan memantau kemajuan *Key Performance Index* (KPI) di peringkat Kementerian melibatkan Tier 2 iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, Ketua Pengarah serta di peringkat negeri.
- 5 Menyelaraskan pelaksanaan program-program yang melibatkan pembangunan kemahiran dan kompetensi pegawai, seperti seminar, kursus, atau latihan teknikal.
- 6 Menyelaraskan mesyuarat-mesyuarat dalaman Jabatan serta bersama Kementerian, Jabatan atau Agensi luar bagi menguruskan hal-hal berhubung dengan dasar dan polisi Jabatan.
- 7 Mengurus dan mengadakan sesi libat urus serta menjalinkan kerjasama strategik dengan Jabatan, Agensi, Kementerian, dan semua pihak berkepentingan yang terlibat.

- 
- 8 Menyelaras atau melaksanakan apa-apa perkara yang berkaitan dengan dasar dan perancangan Jabatan bagi memastikan visi dan misi Jabatan dapat dicapai dari semasa ke semasa.
 - 9 Bertanggungjawab sebagai *focal point* Jabatan dalam menyelaras dan menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar pelaksanaan serta pengurusan operasi pemeriksaan dan penguatkuasaan.
 - 10 Menyelaras hubungan antarabangsa yang melibatkan dasar, kerjasama, dan perkara-perkara berkaitan bagi menyokong objektif strategik Jabatan di peringkat antarabangsa.

C Hubungan Antarabangsa

Peranan MAQIS dalam hubungan antarabangsa terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan biosekuriti negara sentiasa berada di tahap optimum. Melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi luar negara serta organisasi serantau dan antarabangsa, MAQIS dapat memperkukuh aspek kawalan sempadan, pertukaran maklumat dan perkongsian kepakaran teknikal dalam bidang kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

Jalinan hubungan antarabangsa ini turut membuka ruang kepada pelaksanaan perbincangan dua hala, penyertaan dalam mesyuarat dan forum antarabangsa berkaitan dengan biosekuriti, kesihatan haiwan dan tumbuhan serta perdagangan agromakanan. Inisiatif ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan diplomatik dan teknikal antarabangsa, malah memastikan dasar dan amalan negara sentiasa selaras dengan piawaian serta keperluan global dalam aspek biosekuriti.

Penglibatan aktif MAQIS dalam pelbagai platform antarabangsa dan serantau ini menunjukkan komitmen berterusan jabatan dalam memperkukuh biosekuriti agromakanan negara, memperluas jaringan kerjasama strategik serta memastikan perdagangan pertanian dan makanan dijalankan secara selamat, terkawal dan berdaya saing di peringkat global. Antara penyertaan MAQIS di peringkat antarabangsa pada 2024 seperti di bawah:



Antara penyertaan MAQIS di peringkat antarabangsa pada 2024 seperti di bawah:

Bulan	Perkara	Tempat
Januari	Kunjungan hormat daripada Suruhanjaya Tinggi Australia.	Putrajaya, Malaysia
	Kunjungan hormat daripada Kompleks Luch Ltd, Rusia.	Putrajaya, Malaysia
Mac	Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality- Prepared Foodstuff Products Working Group (ACCSQ-PFPWG) 1/2024.	Putrajaya, Malaysia
April	Mesyuarat Berkaitan Implementing Arrangement on Dairy Equivalence Recognition Antara Malaysia Dan New Zealand.	Putrajaya, Malaysia
	Mesyuarat Kelima Jawatankuasa Sanitari dan Fitosanitari, Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia - New Zealand.	Putrajaya, Malaysia
Mei	Kunjungan hormat daripada Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA).	Johor, Malaysia
Jun	Mesyuarat The 22nd Meeting of the ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) FTA Joint Committee (FJC) and Related Meetings.	Putrajaya, Malaysia
	Mesyuarat 11th AANZFTA Subc-Committee on Sanitary and Phytosanitary Measures (SC-SPS).	Putrajaya, Malaysia
Julai	Kunjungan hormat daripada Singapore Food Agency (SFA).	Johor, Malaysia
Ogos	Mesyuarat Khas Pegawai-Pegawai Kanan Kali Ke-45 Bagi Menteri-Menteri Pertanian Dan Perhutanan ASEAN (Special Som-45th AMAF) dan Mesyuarat-Mesyuarat Lain Berkaitan.	Johor, Malaysia
	Pakistan, Second International Food & Agriculture Exhibition.	Karachi, Pakistan
	Mesyuarat Berkaitan Belt And Road Initiative (BRI) Cooperation Plan Between Malaysia And The People's Republic Of China.	Kuala Lumpur, Malaysia
	Mesyuarat The 4th Round Malaysia-Korea Free Trade Agreement (MKFTA) Negotiation.	Kuala Lumpur, Malaysia
	Mesyuarat Border Management Working Group (BMWG) Ke-35.	Songkhla, Thailand
	Lawatan Kerja Teknikal Pencarian Fakta Untuk Analisis Risiko Perosak Ke Atas Pengimportan Biji Koko Kering Dari Amerika Syarikat (USA).	Amerika Syarikat
November	Mesyuarat The 6th Malaysia-Australia Agreement Sanitary and Phytosanitary Working Group (MAFTA SPSWG).	Putrajaya, Malaysia
	Mesyuarat Ke-13 Kumpulan Kerja Dalam Bidang Pertanian Malaysia – Australia (The 13th Malaysia – Australia Agricultural Cooperation Working Group – MAACWG) dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan.	Putrajaya, Malaysia
Disember	Kunjungan hormat daripada The Agency of Plant Protection and Quarantine under the Ministry of Agriculture of Uzbekistan.	Putrajaya, Malaysia

D Pencapaian KPI Tahun 2024



KPI TIER 2: KETUA PENGARAH MAQIS

Peningkatan Aktiviti Pemeriksaan Dokumen dan Fizikal Konsainan di Pintu Masuk



Unit Pengukuran=Bilangan


Peningkatan Aktiviti Persampelan bagi Pengesanan Penyakit, Perosak dan Bahan Cemar Komoditi Pertanian di Pintu Masuk



Unit Pengukuran=Bilangan



Peningkatan Kutipan Hasil Kerajaan Melalui Aktiviti Pemeriksaan dan Penguatkuasaan di Pintu Masuk



Unit Pengukuran=Juta (RM)

Peningkatan Kecekapan Penguatkuasaan Dalam Prosedur Penahanan dan Penyiasatan di Bawah Akta 728



Unit Pengukuran=Bilangan

PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN DALAM RMKe 12

Kos
Keseluruhan
RMKe-12:

RM165 juta


Peruntukan bagi melaksanakan Projek Pembangunan MAQIS termasuk Pembangunan Platform Digital MAQIS, pengukuhan kawalan biosekuriti di pintu masuk, pembinaan Pusat Pemeriksaan Lanjut Dagangan Komoditi Pertanian (*Further Investigation Centre – FIC*) di negeri-negeri terlibat, serta projek-projek pembangunan lain yang berkaitan.

Bilangan
Ringkasan Projek
(RP4) yang
diluluskan adalah
sebanyak
15 projek.

Peruntukan yang
diagihkan pada
tahun 2024 adalah
sebanyak
RM27.7 juta.

Belanja tahun
2024:

RM26 juta.





PROJEK PEMBANGUNAN ROLLING PLAN 4 (RP4) DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12)

Projek-projek di bawah RP4, RMKe-12 memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur dan teknologi bagi memperkukuh keupayaan MAQIS dalam aspek kawalan biosekuriti, keselamatan makanan dan fasiliti pemeriksaan di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, sebanyak **15 projek pembangunan** telah dilaksanakan di bawah Rolling Plan 4, RMKe-12 seperti berikut:

- 1** Pengukuhan Kawalan Biosekuriti Di Pintu Masuk MAQIS Kedah.
- 2** Pengukuhan Kawalan Biosekuriti Di Pintu Masuk MAQIS Pulau Pinang.
- 3** Naik Taraf Pintu Masuk MAQIS Melaka.
- 4** Naik Taraf Pintu Masuk MAQIS Perlis.
- 5** Pembangunan MAQIS *Digital Platform*.
- 6** Pusat Bersepadu *Integrated Biosecurity Centre* (IBC) Di Stesen KLIA, Sepang, Selangor.
- 7** Pembinaan Pusat Pemeriksaan Lanjut Dagangan Komoditi Pertanian (*Further Investigation Centre-FIC*) Di Pintu Masuk MAQIS Johor.
- 8** Pembinaan Pusat Pemeriksaan Lanjut Dagangan Komoditi Pertanian (*Further Investigation Centre-FIC*) MAQIS Di Pulau Pinang.
- 9** Pembinaan Pusat Pemeriksaan Lanjut Dagangan Komoditi Pertanian (*Further Investigation Centre-FIC*) MAQIS Di SKH Pelabuhan Klang, Selangor.
- 10** Pembinaan Pusat Pemeriksaan Lanjut Dagangan Komoditi Pertanian (*Further Investigation Centre-FIC*) MAQIS Di SKH Padang Besar, Perlis.
- 11** Bina dan Naik Taraf Kemudahan Di Stesen Kuarantin Padang Besar, Perlis.
- 12** Bina dan Naik Taraf Kemudahan Di Stesen Kuarantin Wilayah Persekutuan Labuan.
- 13** Bina dan Naik Taraf Kemudahan Di Stesen Kuarantin Rantau Panjang, Kelantan.
- 14** Menaik Taraf Stesen Kuarantin Sedia Ada.
- 15** Penyediaan Tapak, Perolehan Peralatan dan Kemudahan Di Stesen Kuarantin MAQIS, Batu Maung, Pulau Pinang.


ANTARA PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH DILAKSANAKAN

1

Tajuk : Pengukuhan Kawalan Biosekuriti Di Pintu Masuk MAQIS Pulau Pinang.

Jenis Projek : Fizikal - Pembangunan

Pejabat MAQIS LTAB Pulau Pinang.



2

Tajuk : Pembinaan Pusat Pemeriksaan Lanjut Dagangan Komoditi Pertanian *Further Investigation Centre* (FIC) MAQIS Di SKH Pelabuhan Klang , Selangor

Jenis Projek : Fizikal - Pembangunan

SKH Pelabuhan Klang, Selangor.



3

Tajuk : Bina dan Naik Taraf Kemudahan Di Stesen Kuarantin Rantau Panjang, Kelantan

Jenis Projek : Fizikal - Pembangunan

SKH Rantau Panjang, Kelantan.





Bahagian Khidmat Pengurusan

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) merupakan bahagian dalam Jabatan yang bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan sokongan agar fungsi teras utama Jabatan khususnya dan Kementerian amnya dapat beroperasi dengan lancar. Bahagian ini terdiri daripada tiga (3) Seksyen utama iaitu Sekyen Pengurusan, Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Seksyen Kewangan & Akaun.

Objektif Bahagian ini adalah untuk memberikan bantuan khidmat nasihat dan sokongan yang efisien dan cekap dalam aspek pengurusan sumber manusia, pentadbiran, kewangan, perolehan dan aset di peringkat Jabatan.

BKP diterajui oleh Pengarah Bahagian, Pegawai Gred M12 dan dibantu oleh 3 Ketua Seksyen yang terdiri daripada Skim Tadbir dan Diplomatik (M), Skim Teknologi Maklumat (F) dan Skim Akauntan (W).

Seksyen Pengurusan dibahagikan kepada dua (2) unit iaitu Unit Sumber Manusia dan Unit Pentadbiran. Secara umumnya, Unit ini mempunyai fungsi-fungsi berikut:

- ☒ Merancang, membangun dan menyelaraskan urusan pembangunan organisasi yang meliputi pewujudan, pemansuhan jawatan serta penstrukturan jawatan Jabatan;
- ☒ Mengurus dan memantau hal ehwal perkhidmatan warga kerja di Jabatan merangkumi urusan pelantikan, penempatan, pembayaran gaji, pengesahan lantikan, kenaikan pangkat, peletakan jawatan dan persaraan;
- ☒ Merancang dan menguruskan perolehan peralatan pejabat, alat tulis, aksesori dan kain bagi pakaian seragam, sewaan kenderaan, sewaan peralatan pejabat, sewaan ruang pejabat dan lain-lain;
- ☒ Mengurus dan memantau aset tak alih Jabatan;
- ☒ Pengurusetiaan Jawatankuasa Penyelaras/ Induk dan mesyuarat berkaitan dengan fungsi sumber manusia, dan pentadbiran Jabatan; dan
- ☒ Merancang dan melaksanakan majlis/program/acara utama Jabatan seperti Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Majlis Persaraan, Majlis Bersama Jabatan, Program Upskilling, Program Transformasi Minda (PTM), AKRAB, Pementoran dan lain-lain lagi.



Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bertanggungjawab :

- ☒ Mengurus, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan pelan serta program berkaitan ICT di MAQIS.
- ☒ Menguruskan Portal MAQIS serta memantau perkhidmatan ICT MAQIS.
- ☒ Mengurus perolehan perkakasan dan perisian ICT, penyelenggaraan, serta menyediakan sokongan khidmat teknikal dan nasihat dalam bidang ICT.
- ☒ Membantu jabatan dalam memberi khidmat nasihat, menyelaraskan, dan menjadi perantara antara jabatan dengan pihak kementerian atau pihak Jabatan Digital Negara.

Seksyen Kewangan dan Akaun terdiri daripada Unit Kewangan serta Unit Perolehan dan Aset. Seksyen ini bertanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:

- ☒ Mengurus hal ehwal belanjawan mengurus, perolehan, pembayaran, dan penyelenggaraan akaun jabatan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan cekap, ekonomik, dan berkesan;
- ☒ Memproses tuntutan bayaran termasuk penyediaan baucar bayaran dalam tempoh yang ditetapkan;
- ☒ Memastikan transaksi kewangan diperakaunkan dengan tepat dan mematuhi piawaian perakaunan serta peraturan kewangan yang berkuatkuasa;
- ☒ Mengurus hal ehwal berkaitan dengan penyediaan gaji bulanan pekerja tetap dan kontrak;
- ☒ Menyediakan Laporan Kutipan Hasil dan Laporan Belanja Mengurus serta Dasar Sedia Ada; dan
- ☒ Melaksanakan Perolehan Sebut Harga dan Tender.

LAPORAN KUTIPAN HASIL MAQIS 2024

BULAN	KUTIPAN HASIL (RM)	KUTIPAN HASIL TERKUMPUL (RM)
JANUARI	9,123,276.36	9,123,276.36
FEBRUARI	9,589,310.60	18,712,587.00
MAC	10,289,646.51	29,002,233.50
APRIL	8,638,642.19	37,640,875.70
MEI	7,411,638.28	45,052,513.90
JUN	9,985,312.89	55,037,826.80
JULAI	9,789,868.09	64,827,694.90
OGOS	8,332,055.20	73,159,750.10
SEPTEMBER	7,405,186.12	80,564,936.20
OKTOBER	10,489,598.69	91,054,534.90
NOVEMBER	9,494,697.52	100,549,232.00
DISEMBER	9,937,686.11	110,486,919.00



SENARAI DAN BILANGAN PENJAWATAN

SENARAI DAN BILANGAN PERJAWATAN MAQIS SEHINGGA 31 DISEMBER 2024

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Skim Perkhidmatan	Gred	Gred Lanti-kan/Naik Pangkat	Jabatan Pembekal Skim Perkhidmatan	Jawatan	Isi	Ko-song
1	Pengurusan Tertinggi	Ketua Pengarah	JUSA C	NP	MAQIS	1	1	0
2	Pengurusan & Profesional	Timbalan Ketua Pengarah	KP14	NP	MAQIS	1	1	0
3	Pengurusan & Profesional	Pegawai Penguat Kuasa	KP13	NP	MAQIS	1	1	0
4	Pengurusan & Profesional	Pegawai Penguat Kuasa	KP12	NP	MAQIS	3	3	0
5	Pengurusan & Profesional	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M12	NP	JPA	1	1	0
6	Pengurusan & Profesional	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M9/M10	GL	JPA	1	1	0
7	Pengurusan & Profesional	Pegawai Penguat Kuasa	KP10	NP	MAQIS	7	7	0
8	Pengurusan & Profesional	Akauntan	WA9/WA10	GL	JANM	1	1	0
9	Pengurusan & Profesional	Pegawai Undang-undang	L10	NP	AGC	1	1	0
10	Pengurusan & Profesional	Pegawai Teknologi Maklumat	F10	NP	MAMPU	1	1	0
11	Pengurusan & Profesional	Pegawai Penguat Kuasa	KP9	GL	MAQIS	7	7	0
12	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	KP8	NP	MAQIS	3	3	0
13	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	KP7	NP	MAQIS	11	11	0
14	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Tadbir	N7	NP	JPA	1	1	0
15	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	KP6/KP7	NP	MAQIS	40	40	0
16	Kumpulan Pelaksana	Penolong Akauntan	W6/W7	NP	JANM	1	1	0
17	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Tadbir	N6/N7	NP	JPA	2	2	0
18	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	KP5/KP6/KP7	GL	MAQIS	401	381	20
19	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA5/FA6/FA7	GL	MAMPU	1	1	0
20	Kumpulan Pelaksana	Penolong Akauntan	W5/W6/W7	GL	JANM	1	1	0
21	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Tadbir	N5/N6/N7	GL	JPA	1	1	0
22	Kumpulan Pelaksana	Penolong Pegawai Undang-undang	L5/L6/L7	GL	AGC	1	1	0
23	Kumpulan Pelaksana	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N2/N3	NP	JPA	1	1	0

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Skim Perkhidmatan	Gred	Gred Lantikan/Naik Pangkat	Jabatan Pembekal Skim Perkhidmatan	Jawatan	Isi	Ko-song
24	Kumpulan Pelaksana	Pembantu Akauntan	W2/W3	NP	JANM	1	1	0
25	Kumpulan Pelaksana	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	N1/N2/N5	GL	JPA	1	1	0
26	Kumpulan Pelaksana	Pembantu Akauntan	W1/W2/W3	GL	JANM	3	3	0
27	Kumpulan Pelaksana	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N1/N2/N3	GL	JPA	19	19	0
28	Kumpulan Pelaksana	Pemandu Kenderaan	H1	GL	KPKM	8	8	0
29	Kumpulan Pelaksana	Pembantu Awam	H1	GL	KPKM	28	26	2
30	Kumpulan Pelaksana	Pembantu Operasi	H1	GL	KPKM	1	1	0
JUMLAH KESELURUHAN						550	527	23

Jumlah Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Jawatan	Pengisian	Kekosongan	Peratus Pengisian
1	1	0	100

Jumlah Kumpulan Pengurusan Dan Profesional

Jawatan	Pengisian	Kekosongan	Peratus Pengisian
24	24	0	100

Jumlah Kumpulan Pelaksana

Jawatan	Pengisian	Kekosongan	Peratus Pengisian
525	503	22	96

JUMLAH KESELURUHAN

Jawatan	Pengisian	Kekosongan	Peratus Pengisian
550	528	22	96



Unit Integriti dan Pematuhan Standard

PENGENALAN

Unit Integriti berperanan menyepadukan semua pengurusan berkaitan hal ehwal integriti di bawah satu unit khusus, dengan tujuan pelaksanaannya dapat dilakukan secara lebih fokus dan terancang. Ini bagi memastikan elemen penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan dan pengesanan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisien serta mencapai keberhasilan yang optimum. Berpandukan enam teras yang telah digariskan, setiap fungsi utama Unit Integriti perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen bagi memastikan usaha membanteras rasuah dapat diperkukuh dan diterapkan dalam setiap warga MAQIS.

FUNGSI

1

Tadbir Urus

- Memastikan tadbir urus organisasi dilaksanakan secara efektif bagi mengukuhkan kecekapan dan integriti modal insan; dan
- Mencadangkan penambahbaikan, peningkatan serta pembaharuan terhadap dasar, arahan, sistem dan prosedur sedia ada dalam organisasi.

2

Pengukuhan Integriti

- Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan nilai-nilai integriti dilaksanakan secara menyeluruh dalam organisasi.

3

Pengesanan dan Pengesanan

- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi, serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
- Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

4

Pengurusan Aduan

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan atau maklumat berkaitan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi; dan
- Menyelaras pentadbiran am dan unit kewangan.

**5**

Pematuhan

- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- Mengenalpasti kelemahan dalam dasar dan peraturan yang sedia ada.

6

Tatatertib

- Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib mengikut peraturan semasa.

PELAPORAN UNIT INTEGRITI

1

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Jabatan telah diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2024, selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 yang berkuat kuasa mulai 5 Disember 2023.

2

Mesyuarat Lembaga Tatatertib telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2024, melibatkan tujuh (7) kes, bergantung kepada keperluan dan tindakan tatatertib yang diambil terhadap pegawai.

3

Pada tahun 2024, Unit Integriti telah menjalankan sebanyak dua puluh tujuh (27) lawatan pematuhan di pintu-pintu masuk seluruh Malaysia bagi memastikan setiap Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) dipatuhi dan dilaksanakan dengan betul oleh semua warga jabatan.

4

Unit Integriti juga telah menganjurkan beberapa Program Pengukuhan Integriti sepanjang tahun 2024.

5

Selain itu, Unit Integriti telah membangunkan sebuah Pelan Antirasuah yang dikenali sebagai Revolutionise Integrity, Strengthening and Empowering (R.I.S.E.) bagi tempoh tiga tahun bermula 2023 hingga 2025, yang telah dilancarkan pada 9 Mei 2024.

6

Unit Integriti telah menerima sebanyak 64 bilangan aduan sepanjang tahun 2024. Mengikut perincian pecahan seperti berikut:



BIL	SUMBER	JUMLAH
1.	Agensi Kerajaan	2
2.	Agensi Swasta	3
3.	KPKM	1
4.	Media Sosial	1
5.	Panggilan/Telefon/ Whatapps	5
6.	Pengadu Datang Sendiri	1
7.	SISPA/BPA	3
8.	Surat Layang	7
9.	Surat/ Emel Dalaman	26
10.	Surat/ Emel Individu	14
11.	Lain-lain	1
Jumlah		64

7 Unit Integriti Jabatan juga berperanan untuk membuat Hebahan Integriti secara berkala kepada warga MAQIS. Antara hebahan yang telah diedarkan adalah seperti berikut :

08.01.2024 : Patuhi Waktu Bekerja Sebagai Penjawat Awam


31.01.2024 : Elakkan Memberi Dan Menerima Hadiah

05.02.2024 : Tuntutan Palsu

29.02.2024 : Penggunaan Kenderaan Jabatan

07.03.2024 : Meniru Tandatangan Ketua Jabatan/ Pegawai Lain Adalah Satu Kesalahan Jenayah Pemalsuan Dokumen

15.03.2024 : Buletin Integriti – Statistik Kesalahan Dan Jenis Hukuman Tindakan Tatatertib Tahun 2023



25.03.2024 : Kawalan Dan Pengawasan Tatatertib

23.04.2024 : Amaran Mengetik Kad Perakam Waktu Orang Lain

30.04.2024 : Membocorkan Maklumat/ Dokumen Terperingkat & Rahsia Kerajaan Adalah Satu Kesalahan

15.05.2024 : Peringatan Keluar Pejabat

31.05.2024 : Pesona MAQIS

25.06.2024 : Larangan Membuat Pernyataan Awam

26.06.2024 : Melakukan Pekerjaan Luar Tanpa Kebenaran Adalah Suatu Kesalahan

10.07.2024 : Larangan Menjalinkan Hubungan Sulit Dengan Suami Atau Isteri Orang

12.08.2024 : Larangan Membuat Kandungan Media Sosial dengan Berpakaian Seragam Dalam Waktu Bekerja

02.10.2024 : Scammer Semakin Berleluasa, Jangan Jadi Mangsa Seterusnya

28.10.2024 : Kategori Tidak Hadir Bertugas

19.11.2024 : Larangan Membuat Pernyataan Awam Di Media Sosial

19.11.2024 : Hukuman Tatatertib

29.11.2024 : Tidak Hadir Bertugas Dan Tidak Memaklumkan Kepada Penyelia

02.12.2024 : Seorang Pegawai Tidak Boleh Membelakangkan Tugas Awamnya Demi Kepentingan Peribadi

11.12.2024 : Rahsiakan Rahsia Kerajaan

12.12.2024 : Ikhlas & Jujur Dalam Bekerja, Integriti Tanggungjawab Bersama

17.12.2024 : Laporkan Salah Laku Warga Kerja MAQIS

30.12.2024 : Hentikan Salah Guna Kuasa

PECAHAN TINDAKAN KE ATAS ADUAN

7 Aduan

Kertas Pengesanan Dan Pengesahan

KPP akan dibuka untuk mendapatkan maklumat lanjut sekiranya aduan tidak lengkap

16 Aduan

Aduan diambil tindakan tadbir urus / pengukuhan integriti

Pengukuhan integriti yang merangkumi Kaunseling, Sesi Perbincangan dan Program

31 Aduan

Aduan diteruskan oleh Bahagian / Unit Lain / NFA

Aduan yang diterima tiada kaitan dengan Unit Integriti. Cth: Cat Show yang tidak mematuhi Permit Import/ Kuarantin

10 Aduan

Aduan diteruskan dengan tindakan tatatertib

Aduan yang lengkap atau tidak memerlukan siasatan lanjut (clear cut) akan diteruskan dengan tatacara tatatertib.

PECAHAN TINDAKAN KE ATAS ADUAN

7 KPP daripada 64 aduan yang dibawa ke JMM

KPP ialah kertas Pengesanan dan Pengesanan yang mempunyai format seperti kertas siasatan bagi mendapatkan maklumat lanjut ke atas sesuatu aduan dan mengesyorkan tindakan selanjutnya.

No Further Action	2
Agensi Penguatkuasaan	1
Pengukuhan dan Pematuhan	0
Tatatertib	0
Dalam Tindakan	4

TATATERTIB

STATISTIK DAN STATUS SEMASA TATACARA TATATERTIB SELESAI BUKAN TATATERTIB

A - Amaran	B - Denda	C - Lucut Hak Emolumen	D - Tangguh Pgt
E - Turun Gaji	F - Turun Pangkat	G - Buang Kerja	H - Tahan Kerja
I - Gantung Kerja	J - Teguran / Peringatan	K - Surcaj	L - Lain-lain

1 kes "selesai". Tiada Tindakan Tatatertib diambil

TIDAK HADIR BERTUGAS

3 kes "Selesai" bukan Tindakan Tatatertib Peraturan 44 P.U. (A) 395/1993

1. Kesalahan Jenayah - H H
2. AKTA SPRM - H

STATISTIK DAN STATUS SEMASA TATACARA TATATERTIB SELESAI BUKAN TATATERTIB

A - Amaran	B - Denda	C - Lucut Hak Emolumen	D - Tangguh Pgt
E - Turun Gaji	F - Turun Pangkat	G - Buang Kerja	

1 kes "Selesai".Tindakan Tatatertib yang diambil :

1. Tatakelakuan A D



Program, Bengkel, Kursus dan Seminar Tahun 2024

1

Tarikh : 21-23 Januari 2024

Lokasi : Johor Bahru

Mesyuarat Pengurusan Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri dan Ketua-ketua Pintu masuk bersama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Bil.1/2024.



2

Tarikh : 26-27 Januari 2024

Lokasi : Bukit Tinggi, Pahang

Bengkel Penilaian KPI 2023 dan penetapan KPI tahun 2024 bagi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)



3

Tarikh : 6-9 Februari 2024

Lokasi : Port Dickson, Negeri Sembilan

Bengkel pengumpulan input Inisiatif Pembangunan Pelan Pendigitalan MAQIS Bil.1/2024.



4

Tarikh : 27 Februari 2024

Lokasi : Putrajaya

Program Pengukuhan Integriti bertajuk “Kawal Emosi dan Terapi Ketawa (Ketawa)”.



5

Tarikh : 28 Februari 2024

Lokasi : Kedah

Bengkel pembangunan Modul Training Of Trainer (TOT) / Train The Trainer (TTT) Kuarantin Bil.1/2024.



6

Tarikh : 19 Mac 2024

Lokasi : Putrajaya

Program Pengukuhan Integriti bertajuk “Klinik Solat”.



7

Tarikh : 19 Mac 2024**Lokasi : Putrajaya**

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Fasilitasi Perdagangan (JKTFP) Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bersama pihak industri di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Bil.1/2024.



8

Tarikh : 25-27 Mac 2024**Lokasi : Kuala Lumpur**

Kursus Pengurusan Kuarantin di Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin Tahun 2024.



9

Tarikh : 29-31 Mei 2024**Lokasi : Johor**

Kursus Pengucapan Awam Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia Tahun 2024.



10

Tarikh : 7 Jun 2024
Lokasi : Putrajaya

Kursus Asas Pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (AKTA 728).



11

Tarikh : 24 Jun 2024
Lokasi : Putrajaya

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Kuarantin dan Pemeriksaan Bil.1/2024.



12

Tarikh : 25-27 Jun 2024
Lokasi : Selangor

Kursus Amali Teknik Persampelan Haiwan dan Hasil Haiwan.



13

Tarikh : 24-26 Julai 2024
Lokasi : Kuala Lumpur

Bengkel Visioning bagi Projek Pembangunan Pelan Pendigitalan MAQIS Menggunakan Metodologi Enterprise Architecture.



14

Tarikh : 8 Ogos 2024
Lokasi : Putrajaya

Sesi libat urus dan Bengkel Penyelarasan Kuarantin dan Pemeriksaan Haiwan.



15

Tarikh : 12-14 Ogos 2024
Lokasi : Putrajaya

Bengkel pelaporan Tadbir Urus PATA Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia.



16**Tarikh : 20 Ogos 2024****Lokasi : Putrajaya**

Program Pengukuhan Integriti Berkaitan Gangguan Seksual di Tempat Kerja dan Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Penjawat Awam.

**17****Tarikh : 19 Disember 2024****Lokasi : Putrajaya**

Sesi libat urus Rasionalisasi Penglibatan MAQIS ke Agensi Kawalan Perlindungan Sempadan (AKPS).



LAPORAN TAHUNAN

MAQIS

2024





Aktiviti MAQIS Negeri



MAQIS SELANGOR

15 Januari 2024

MAQIS KLIA MTB lawatan ilmiah Kolej Profesional MARA Beranang ke Pejabat MAQIS KLIA MTB.



23-25 Februari 2024

Program Madani Rakyat Zon Tengah yang diadakan di Kompleks Sukan Kuala Selangor.



1 Mac 2024

Majlis Amanat Ketua Pengarah MAQIS di Negeri Selangor.



2 April 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Fasilitasi Perdagangan MAQIS Negeri Selangor bersama pihak industri.



1 Jun 2024

Perlawanan persahabatan badminton antara MAQIS Negeri Selangor dengan Jabatan Penjara Malaysia.



9 Ogos 2024

Program Mengacau Bubur Asyura anjuran PUSPANITA MAQIS negeri Selangor.





8 Ogos 2024

Program Fun Run 4KM peringkat MAQIS Negeri Selangor.



17 Oktober 2024

Latihan Kebakaran dan Pengungsian Bangunan MAQIS Negeri Selangor.






MAQIS JOHOR

20 Januari 2024

Majlis amanat Ketua Pengarah MAQIS bersama warga MAQIS Negeri Johor.



4 Februari 2024

Perlawanan persahabatan bolasepak di antara MAQIS Johor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor.



28 Mac 2024

Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran peringkat MAQIS Negeri Johor.





28 April 2024

Sesi Libat Urus MAQIS Negeri Johor bersama Stakeholder Bilangan 1 Tahun 2024.



7 Mei 2024

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Johor telah memberikan satu taklimat mengenai peranan MAQIS di dalam sektor Import dan Eksport kepada pihak Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd.



12 Mei 2024

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Johor telah mengadakan Program Pengukuhan Integriti MAQIS bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor.



8 Oktober 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal
Fasilitasi Perdagangan (JKTFP) Jabatan
Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan
Malaysia (MAQIS) Negeri Johor bersama
Pihak Industri Tahun 2024.



21 November 2024

Kursus Penguatkuasaan dan Penyediaan
Kertas Siasatan anjuran Pejabat MAQIS
Negeri Johor Bil.1 Tahun 2024.





MAQIS PULAU PINANG

10 Januari 2024

Mesyuarat dan lawatan kerja projek pembangunan MAQIS Pulau Pinang di bawah peruntukan Rancangan Malaysia ke 12 (Rmk-12) bersama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang Bil.1/2024.



25 Februari 2024

Majlis Apresiasi MAQIS Pulau Pinang Tahun 2024.



21 Mac 2024

Ceramah khas “Penghayatan Ramadan Al-Kareem” peringkat MAQIS Pulau Pinang.



20 April 2024

Pertandingan bowling antara pintu masuk MAQIS Negeri Pulau Pinang.



6 Mei 2024

Lawatan Kerja dari Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) ke North Butterworth Container Terminal (NBCT) Negeri Pulau Pinang.



4 Jun 2024

Kunjungan balas dari Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang ke Pejabat MAQIS Negeri Pulau Pinang.





12 Julai 2024

Lawatan kerja pemantauan Ketua Pengarah MAQIS ke Jinjing Technology Malaysia Sdn Bhd bersama wakil Jabatan Pertanian.



2 Ogos 2024

Kembara Kerohanian dan Pengukuhan Integriti 2024 MAQIS Pulau Pinang bersama Maritim Negeri Pulau Pinang.



2 Disember 2024

Misi bantuan kemanusiaan Skuad Ihsan Madani kepada mangsa banjir Negeri Kedah.



22 Disember 2024

Family Day MAQIS Pulau Pinang 2024.





MAQIS KEDAH

8 Januari 2024

Kunjungan hormat daripada Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Kedah ke Pejabat MAQIS Negeri Kedah.



24 Februari 2024

Majlis Amanat Ketua Pengarah dan Sesi Ramah Mesra bersama Warga MAQIS Negeri Kedah.



7 Mac 2024

Pameran Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Kedah sempena Program Mini Pameran Kesihatan PMABKH, Jelajah ANMS 2024 Daerah Kubang Pasu.



25 April 2024

MAQIS Kedah telah menjalankan Individual Physical Fitness Test (IPFT) Siri 1 bagi semua kakitangan MAQIS Negeri Kedah.



28 Mei 2024

Pemeriksaan Pematuhan Peraturan GPL di Pintu Masuk Sempadan Bukit Kayu Hitam dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Kedah



2 Jun 2024

Pemeriksaan pintasan perosak bersama Jabatan Pertanian Negeri Kedah di pintu masuk Kota Putra, Durian Burung.





8 Julai 2024

Lawatan Kerja Tuan Hisham bin Abu Bakar, Pengarah MAQIS Negeri Kedah ke Pintu Masuk Langkawi dan Premis Kuarantin.



7 Ogos 2024

Operasi Bersama Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Negeri Kedah.



15 Oktober 2024

Pameran sempena Persidangan Mangga Harumanis Kebangsaan 2024.





MAQIS KELANTAN

16-17 Januari 2024

Lawatan Kerja Pengarah MAQIS Negeri Kelantan ke Pintu Masuk MAQIS Kelantan Tahun 2024.



17 Februari 2024

Program Ramah Mesra Ketua Pengarah MAQIS bersama Warga MAQIS Kelantan.



20 Mac 2024

Program Ihya' Ramadan dan Majlis Apresiasi MAQIS Negeri Kelantan Tahun 2024.





10 Jun 2024

Operasi Bersepadu Sekatan Pemeriksaan
Pematuhan Peraturan GPL FAMA bersama
MAQIS.



30 Jun 2024

Program Ujian Kemahiran Menembak
MAQIS Kelantan 2024 bersama Warga
MAQIS Kelantan dan Pengurusan Tertinggi
MAQIS.



9 Julai 2024

Kunjungan Hormat Pengarah MAQIS
Negeri Kelantan ke atas Pengarah
Perikanan Negeri Kelantan.



15 Ogos 2024

Kompleks Sukan USM, Kubang Kerian

Program Libat Urus MAQIS Negeri
Kelantan bersama Jabatan Perikanan
Negeri Kelantan.



23 September 2024

Penyerahan Barang Sitaan (Keratan Ayam
Sejuk Beku) yang Telah Dilucuthakkan
kepada Penjara Marang.



29 Disember 2024

Majlis Makan Malam MAQIS Negeri
Kelantan 2024.





MAQIS MELAKA/NEGERI SEMBILAN

24 Januari 2024

Sesi Semakan Buku Perkhidmatan Pegawai dari Bahagian Khidmat Pengurusan Ibu Pejabat MAQIS Putrajaya.



1 Februari 2024

Mesyuarat Pengurusan MAQIS Negeri Melaka/Negeri Sembilan Bil. 1 Tahun 2024.



15 Februari 2024

Program Sihat Bersama anjuran MAQIS Melaka/Negeri Sembilan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Melaka Tengah.



2 April 2024

Sumbangan Infaq Ramadan MAQIS Melaka/Negeri Sembilan bertempat di Rumah Anak-Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Tanjung Kling, Melaka.



6 Mei 2024

Majlis Jamuan Hari Raya anjuran MAQIS Melaka dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kompleks ICQS, Banda Hilir, Melaka.



9 Jun 2024

MAQIS Melaka berganding bahu dengan MAQIS Johor sebagai wakil Wilayah Selatan dalam Pertandingan Bola Sepak MAQIS Antara Wilayah merebut Piala Ketua Pengarah.





19 Julai 2024

Sesi libat urus MAQIS Melaka bersama Rela dan agensi-agensi Kompleks ICQS bagi penyediaan serta agihan Bubur Kacang Hijau & Bubur Pulut Hitam di Kompleks ICQS, Melaka.



13 November 2024

Majlis Perasmian dan Penyampaian Penghargaan Projek Naik Taraf Pejabat MAQIS Kuala Linggi, Melaka telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman.





MAQIS PAHANG/TERENGGANU

10 Mac 2024

MAQIS telah mengadakan Program Lawatan dan Persediaan Operasi di Pulau Redang.



29 April 2024

Program Libat Urus dan Sambutan Hari Raya MAQIS Negeri Pahang/Terengganu bersama Jabatan dan Pemain Industri Tahun 2024.



25 Jun 2024

Kursus Prosedur Pemeriksaan Konsainan Import dan Eksport Komoditi Pertanian Tahun 2024 anjuran MAQIS Negeri Pahang & Terengganu di Bilik Mesyuarat Lembaga Pelabuhan Kuantan, Pahang.





5 Julai 2024

Program MADANI Rakyat Zon Timur 2024 bertempat di Dataran Sayangi Kuantan, Pahang.



31 Julai 2024

Kunjungan Hormat Pengarah MAQIS Negeri Pahang & Terengganu kepada Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pahang.



24 Ogos 2024

Program Lawatan Timbalan Ketua Pengarah MAQIS ke Pintu Masuk MAQIS Negeri Pahang/Terengganu serta Lawatan ke Premis Kuarantin Ikan Sea Bass Enterprise dan TRMZCA Enterprise.



5 Oktober 2024

Program Hari Sukan Negara MAQIS Negeri Pahang & Terengganu Tahun 2024.



21 November 2024

Sesi Libat Urus MAQIS Negeri Pahang & Terengganu bersama Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPK) dan Kuantan Port Consortium (KPC).





MAQIS PERAK

3 Januari 2024

Mesyuarat Pengarah bersama Pegawai Pintu Masuk MAQIS Negeri Perak Bil. 1/2024.



15 Februari 2024

Pengarah MAQIS Negeri Perak, Tuan Mohd Noor bin Hashim, telah mengadakan sesi libat urus bersama Pejabat Tanah, Jabatan Pertanian serta wakil penduduk Kampung Ayer Panas bagi membincangkan isu-isu berkaitan di Pejabat MAQIS Pengkalan Hulu.



13 Mac 2024

Program Infak Ramadan 2024 MAQIS Negeri Perak.

MAQIS Negeri Perak telah mengagihkan barangan keperluan yang diinfakkan oleh para pegawainya kepada beberapa keluarga asnaf di sekitar Bandar Ipoh, Pelabuhan Lumut dan Pengkalan Hulu.



28 April 2024

Wakil Puspanita MAQIS Negeri Perak telah berkunjung menziarah mantan Pengarah MAQIS Negeri Perak, Puan Rozita binti Superman, yang kini sedang bercuti sakit akibat masalah kesihatan.



29 Mei 2024

Lawatan Tapak bersama Pengarah MAQIS Negeri Perak dan Pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR) di Tanah Teja, Daerah Kampar, Perak.



27 Jun 2024

Lawatan Kerja Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ke MAQIS Negeri Perak.





3 Oktober 2024

MAQIS Negeri Perak telah menjalankan aktiviti pemeriksaan dan pengambilan sampel darah haiwan (kuda) di BP Polo Sdn Bhd bersama Pegawai MAQIS Stesen Kuarantin Haiwan, KLIA.



24-25 Oktober 2024

Lawatan Kerja ke Pejabat MAQIS Negeri Kelantan serta Pintu Masuk MAQIS Rantau Panjang dan Bukit Bunga.



MAQIS PERLIS

16 Mei 2024

Sesi Libat Urus MAQIS Perlis bersama PDRM dan FAMA bagi Pemantauan, Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Aktiviti Pengimportan dan Pengeksportan.



26 Mei 2024

Ketua Pengarah MAQIS, YBhg. Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, telah mengadakan lawatan ke Pintu Masuk MAQIS Padang Besar dan seterusnya merasmikan pejabat Pintu Masuk MAQIS Padang Besar yang telah dinaik taraf.



16 Ogos 2024

Bersempena Bulan Kemerdekaan 2024, MAQIS Negeri Perlis telah mengadakan kempen Kibar Jalur Gemilang serta sambutan Bulan Kemerdekaan di Kompleks Kuarantin MAQIS Padang Besar, Perlis.





MAQIS WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

21 Mac 2024

Kunjungan Hormat Pegawai Biosekuriti
Jabatan Pertanian W.P. Labuan ke Pejabat
MAQIS Labuan.



18 Mei 2024

Pameran Sempena Program Sambutan
Hari Belia Negara Peringkat Wilayah
Persekutuan Labuan.



29 Jun 2024

Aktiviti Gotong-Royong Membersihkan
Pejabat MAQIS Negeri W.P. Labuan.



11 Ogos 2024

Pameran Sempena Majlis Pelancaran
Bulan Kemerdekaan Peringkat Wilayah
Persekutuan Labuan.



12 September 2024

Program Pengauditan Pengurusan Import
Permit bagi Komoditi Daging dan Cili
Bersama Kastam Diraja Malaysia.



26 September 2024

Lawatan Kerja Datuk Seri Haji Mohamad
bin Sabu ke Wilayah Persekutuan Labuan.





21 Oktober 2024

Lawatan Pemantauan Pelaksanaan Projek
Pembangunan Rolling Plan 4 (RP4) dalam
RMK-12 oleh Pegawai KPKM.





Kunjungan Hormat

1

Tarikh : 10 Januari 2024

Kunjungan Hormat Pihak Australian High Commission ke Ibu Pejabat MAQIS Putrajaya.



2

Tarikh : 24 Januari 2024

Lawatan Kerja YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke Stesen Kuarantin Haiwan MAQIS KLIA.



4

Tarikh : 23 Februari 2024

Kunjungan Hormat Delegasi dari Negara Russia.



4

Tarikh : 15 Mei 2024

Kunjungan daripada Pihak Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA).



5

Tarikh : 19 Julai 2024

Kunjungan daripada Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT) SPRM Putrajaya.



6

Tarikh : 29 Julai 2024

Kunjungan Hormat Delegasi Singapore Food Agency (SFA) ke atas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).



7

Tarikh : 9 Ogos 2024

Kunjungan Hormat Ketua Pengarah MAQIS, YBr. Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, dan Delegasi Malaysia kepada Menteri Perdagangan Pakistan, Mr. Jam Kamal Khan, sempena Persidangan Second International Food & Agriculture Exhibition, Pakistan (Foodag Expo 2024).



8

Tarikh : 8 Oktober 2024

Lawatan Kerja YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke Pejabat MAQIS Pelabuhan Klang Barat, Selangor.



9

Tarikh : 15 Oktober 2024

Kunjungan Hormat Pasukan Penilaian dari Performance of Veterinary Services (PVS) Tool – Aquatic yang Dikendalikan oleh World Organisation for Animal Health (WOAH).



9

Tarikh : 15 November 2024

Kunjungan Hormat Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, ke Pejabat YBrs. Puan Norliza binti Yusof, Timbalan Pengarah Belanjawan Negara (Ekonomi), Kementerian Kewangan.



10

Tarikh : 19 November 2024

Kunjungan Hormat dari Ministry of Primary Industries (MPI), New Zealand.



11

Tarikh : 20 Disember 2024

Kunjungan Hormat Pegawai Kedutaan Uzbekistan di Malaysia.



LAPORAN TAHUNAN

MAQIS

2024





Lensa 2024



LENSA



8 Januari 2024

Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu bersama Warga KPKM.



25 Februari 2024

Program Ujian Kemahiran Menembak Tahun 2024.





18 Mac 2024

Mesyuarat Pengurusan Jabatan
Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan
Malaysia (MAQIS) Bil.1/2024.



5 April 2024

Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman,
Ketua Pengarah MAQIS telah
membuat lawatan tinjau di Jeti
Penumpang Port Dickson, Negeri
Sembilan dan Pelabuhan Kuala
Linggi, Melaka.





LENSA



9 Mei 2024

IYC Cheras

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 Meraikan Para Penerima - Penerima APC Seramai 42 Orang.



25 Mei 2024

Mesyuarat Pengurusan Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri dan Ketua-ketua Pintu Masuk bersama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Bil.2/2024.





10 Jun 2024 | MAEPS Serdang

Majlis Peluncuran MAHA 2024 telah disempurnakan oleh Datuk Seri Haji Mohammad bin Sabu, Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan.



5-7 Julai 2024

Kuantan Pahang.

Program Madani Rakyat Zon Timur.



LENSA



6-8 Ogos 2024

Mesyuarat Khas Pegawai-Pegawai Kanan Kali ke-45 bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (SSOM-45th AMAF).



8 Ogos 2024 | Karachi Pakistan

Ketua Pengarah MAQIS, YBrs Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman telah menghadiri Persidangan Second International Food & Agriculture Exhibition (Foodag Expo 2024) yang diadakan di Karachi, Pakistan daripada 8 Hingga 11 Ogos 2024.





27 Ogos 2024

Program “Jom Cergas MAQIS
Kayak Merdeka”.



10 September 2024 | Putrajaya

Majlis Aspirasi Kepimpinan
Ketua Setiausaha Negara Tahun 2024.





LENSA

23 September 2024

Sambutan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).



27 Ogos 2024

Perhimpunan Bulanan Warga KPKM 2024 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Wisma Tani.





1 November 2024



Mesyuarat Pengurusan Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, dan Ketua-Ketua Pintu Masuk bersama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Bil.3/2024.



19 Disember 2024 | Putrajaya

Mesyuarat Khas Pelaksanaan Operasi Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Bil. 2/2024 bersama YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.





Lensa Sambutan 100 Tahun MAHA



MAQIS DI LENSA KACA

Pada Tahun 2024, bermula bulan Januari sehingga Disember 2024, Jabatan MAQIS telah mengeluarkan sebanyak **98 Kenyataan Media** dan telah dikeluarkan di media sebanyak **282 Kenyataan Media** yang dikeluarkan meliputi daripada Ibu Pejabat MAQIS dan kenyataan media dari 10 negeri seluruh negara.

IMPORTANCE OF ANIMAL QUARANTINE

LIVE animal quarantine means isolating animals, fish or poultry that may carry infectious diseases from other animals or humans for a certain period of time. The isolation ensures that the animal is free from diseases that could pose a health risk to humans, other animals or fish, or the country's ecosystem.

In Malaysia, this responsibility falls on the Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS), which oversees various animals, carcasses, fish, agricultural products, soil, re-exported items, personnel, transport or any other agricultural and agro-based commodities entering the country.

Quarantine and inspect any plants, animals, carcasses, fish, agricultural products, soil, export organisms, personnel, transport or any other agricultural and agro-based commodities at the entrance.

It also runs quarantine stations and prevents to ensure the risk of entry of disease, pests or contaminants is maintained and the compliance of any plants, animals and carcasses on the fish, agricultural products, soil, and microorganisms with import and export conditions as stated in the permit, license or certificate fall under Section 141, Act 728.

Quarantine stations are Magis manage the quarantine stations located at the Kuala Lumpur International Airport, Sultan Ismail Sultan, Putrajaya, Pasing River, Petris and Labuan.

The department is responsible for developing a modern and higher standard facility called the Integrated Quarantine Centre (IQC) at the Kuala Quarantine Station to strengthen the effectiveness of quarantine activities.

The centre will provide a comprehensive upgrade of the existing ICA quarantine station and is expected to be fully completed by 2025.

In addition, the department is also participating in the digitalisation of quarantine activities through the Digital Platform Project, which will involve digitising the quarantine activities.

It will simplify services, such as the booking of quarantine space or online and quarantine activities, and improve operational efficiency.

Quarantine benefits

Quarantine protects the well-being of domestic animals and their products. Quarantine ensures that imported animals do not carry diseases from where they were originally from that can be transmitted to domestic animals or local livestock.

This step is important to ensure that animals brought into the country are free from any diseases that can affect local productivity.

Quarantine also ensures that the country's food safety and security are maintained. Quarantine ensures that imported food products are safe for consumption and do not pose a health risk to the country's population.

Quarantine also ensures that the country's trade interests are protected. Quarantine ensures that imported goods are safe for consumption and do not pose a health risk to the country's population.

MUTAKHIR

206 penyakit, persekitaran dipintas masuk dalam negara - Maqis

Mohamed Khairul Anwar Mohd Yusoff
Khalid@maqis.gov.my

Phylogeny Author Station

Kuala Lumpur, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) memulakan sebanyak 206 penyakit dan persekitaran yang berasal dari luar negara dengan masuk ke dalam negara melalui.

Maqis memastikan keselamatan dan kesihatan masyarakat dengan memastikan bahawa semua barang yang masuk ke dalam negara adalah selamat dan tidak membawa ancaman kepada masyarakat.

Maqis juga memastikan bahawa semua barang yang masuk ke dalam negara adalah selamat dan tidak membawa ancaman kepada masyarakat.

Lebih 2,000 kg kobis panjang dari Singapura dicemari kumbang Phyllotreta spp

Shi Han Aulia Omar
21/08/2024 10:50 WYT

Seberapakah 2,000 kilogram kobis panjang yang dicemari kumbang dari Singapura ke negara ini menurut Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bahawa kumbang tersebut adalah sejenis kumbang yang berbahaya kepada tanaman.

Seberapakah 2,000 kilogram kobis panjang yang dicemari kumbang dari Singapura ke negara ini menurut Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bahawa kumbang tersebut adalah sejenis kumbang yang berbahaya kepada tanaman.

ELAK PENYAKIT BERJANGKIT HAIWAN KORBAN IKUT SUMBER SAH

Harlan Ratu Ratu 12/06/2024

Elak penyakit berjangkit haiwan korban ikut sumber sah. Elak penyakit berjangkit haiwan korban ikut sumber sah. Elak penyakit berjangkit haiwan korban ikut sumber sah.

Elak penyakit berjangkit haiwan korban ikut sumber sah. Elak penyakit berjangkit haiwan korban ikut sumber sah. Elak penyakit berjangkit haiwan korban ikut sumber sah.

Wanita Indonesia dakwa seludup Bk avocado, jambu batu untuk majikan mengidam

Harlan Ratu Ratu 12/06/2024

Wanita Indonesia dakwa seludup Bk avocado, jambu batu untuk majikan mengidam. Wanita Indonesia dakwa seludup Bk avocado, jambu batu untuk majikan mengidam.

Maqis utamakan keselamatan pengunjung MAHA 2024

BERSEKUTUAN 6 SEPTEMBER 2024

Bekerjasama dengan beberapa agensi, pasukan berjanjikan. Bekerjasama dengan beberapa agensi, pasukan berjanjikan.

Banteras penyeludupan gula 'jalan haram'

Kuala Lumpur, Menteri Kanan (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan mengambil langkah tegas untuk menangani penyeludupan gula melalui 'jalan haram'.

Kuala Lumpur, Menteri Kanan (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan mengambil langkah tegas untuk menangani penyeludupan gula melalui 'jalan haram'.

MUTAKHIR

Cubaan seludup daging wagu dibongkar

Och My Victoria Dais
anj@metro.com.my

Bagging wagu yang mengancam keselamatan di bandar. Bagging wagu yang mengancam keselamatan di bandar.

MAQIS Johor rampas 16.3 tan sardin dalam tin mengandungi cacing parasit Anisakis sp.

BULETIN 3
TUMPUHAN, Singapore | Berikutan 3 tahun dituntut

MAQIS Johor rampas 16.3 tan sardin dalam tin mengandungi cacing parasit Anisakis sp. MAQIS Johor rampas 16.3 tan sardin dalam tin mengandungi cacing parasit Anisakis sp.

10 kontena bawa kayu ada kulat dari Latvia diarah berpatah balik

BH KUALA LUMPUR
Kuala Lumpur, 12/06/2024 12:31 PM

10 kontena bawa kayu ada kulat dari Latvia diarah berpatah balik. 10 kontena bawa kayu ada kulat dari Latvia diarah berpatah balik.

MAQIS RAMPAS RUMPA LAUT KERING BERNILAI RM10,000 DARI KOREA SELATAN

MAQIS RAMPAS RUMPA LAUT KERING BERNILAI RM10,000 DARI KOREA SELATAN. MAQIS RAMPAS RUMPA LAUT KERING BERNILAI RM10,000 DARI KOREA SELATAN.

JOHOR BAHRU: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor rampas 16.3 tan tin sardin dipaparkan dari negara China yang mengandungi cacing parasit Anisakis sp. di Bangunan Sultan Ismail (BSI), awal bulan ini.

JOHOR BAHRU: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor rampas 16.3 tan tin sardin dipaparkan dari negara China yang mengandungi cacing parasit Anisakis sp. di Bangunan Sultan Ismail (BSI), awal bulan ini.





MAQIS

**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN
DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA**



Wisma Tani,
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin
Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
Aras 4 menara 4G, 28, Persiaran Perdana
Presint 4, 62624 Wilayah Persekutuan
Putrajaya



www.maqis.gov.my



[maqismalaysia](#)